

## PM WAWANCARA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 6 PETANG INI.)

=====

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- BERIKUT IALAH TRANSKRIP PENUH WAWANCARA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN TEMPATAN SEMPENA AKHIR TAHUN.

SOALAN: DALAM WAWANCARA DENGAN DATUK SERI SEMPENA 100 HARI SELEPAS DATUK SERI MEMEGANG JAWATAN, DATUK SERI ADA MENYATAKAN BAHAWA DATUK SERI BERHASRAT MENJADIKAN MALAYSIA DIHORMATI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA DAN DATUK SERI JUGA INGIN MELIHAT RAKYAT MALAYSIA BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN RAKYAT NEGARA LAIN DI DUNIA. PADA ANGGAPAN DATUK SERI, SEJAUH MANA PENCAPAIAN DATUK SERI DARI SEGI INI?

DR.M: SANGAT SUKAR BAGI SAYA MEMBUAT PENILAIN MENGENAI PERKARA INI, MEMANGLAH, IA MERUPAKAN SESATU DARI DAYAUSAHA SAYA. TETAPI DARIPADA LAPORAN YANG KITA LIHAT, SAYA RASA MALAYSIA KINI JELAS LEBIH DIKENALI. PERLANTIKAN KITA KE DALAM MAJLIS KESELAMATAN PBB, SATU KEJAYAAN YANG KITA PEROLEHI DENGAN SOKONGAN KUAT DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG SEBELUM INI TIDAK BEGITU MENGENALI KITA, SEPERTI NEGARA-NEGARA AMERIKA SELATAN, DAN MAJORITI YANG KITA PEROLEHI, MENUNJUKKAN YANG MALAYSIA KINI SUDAH LEBIH DIKENALI. SAYA RASA, UNTUK TERPILIH KE MAJLIS KESELAMATAN ITU, PASTILAH MEMERLUKAN PENGHORMATAN NEGARA LUAR KEPADA NEGARA KITA. PERANAN KITA DAN PENDIRIAN KITA DALAM MAJLIS KESELAMATAN ITU NAMPAKNYA DIHARGAI OLEH BANYAK KALANGAN. BARU-BARU INI PULA KITA MENJADI TUAN RUMAH CHOGM, YANG AGAK BERBEZA BERBANDING DENGAN KEBIASAANYA. SELALUNYA SELEPAS CHOGM, TIDAK BANYAK AKIVITI LAGI. TETAPI DI SINI, MEREKA TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MEMILIH MALAYSIA SEBAGAI Pengerusi untuk mengkaji Komanwel itu sendiri. SELAIN DARIPADA ITU, BANYAK LAGI TANDA, YANG PASTI SUDAH DILIHAT OLEH RAKYAT, YANG MENUNJUKKAN BAHAWA SEKURANG-KURANGNYA KITA KINI LEBIH DIKENALI DAN LEBIH DIHORMATI. SAYA TELAH MENERIMA BANYAK KOMEN YANG BAIK MENGENAI HAL INI.

S: ADAKAH DASAR INI AKAN BERTERUSAN KE TAHUN-TAHUN 1990-AN?

DR. M: MENGAPA PULA TIDAK. ADA MANFAATNYA JIKA KITA LEBIH DIKENALI. SAYA SELALU MENYATAKAN BAHAWA ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN, MALAYSIALAH NEGARA YANG PALING KURANG DIKENALI. SEMUA ORANG KENAL THAILAND, INDONESIA, FILIPINA, MALAH BRUNEI TETAPI MALAYSIA, KADANG-KADANG DISALAH ANGGAP SEBAGAI SEBUAH NEGARA DI CHINA ATAU AFRIKA...DAN BAGI SEBILANGAN ORANG PULA, SAMA ADA IA MALAWI ATAU MALAYSIA, TIDAK BANYAK SANGAT BEZANYA. JADI DASAR INI AKAN DITERUSKAN. SUDAH TENTU IA MEMBAWA BANYAK MANFAAT KEPADA KITA.

S: DATUK SERI TELAH BEBERAPA KALI MENYEBUT TENTANG WAWASAN (VISION) MASA DEPAN MALAYSIA YANG DATUK SERI INGINI...DATUK SERI INGIN MALAYSIA MENUNJUKKAN CONTOH UNTUK DIHORMATI DAN DATUK SERI JUGA MENYEBUT TENTANG MALAYSIA SEBAGAI NEGARA DI MANA TIDAK WUJUD KEMISKINAN MUTLAK, DI MANA SEMUA ORANG MENDAPAT CUKUP MAKAN, CUKUP PAKAI DAN MENIKMATI KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN PANJANG USIA...KINI SETAKAT MANA DATUK SERI RASA HASRAT INI SUDAH DIPENUHI DAN ADAKAH DATUK SERI RASA YANG DATUK SERI SUDAH MENCAPAI APA YANG INGIN DATUK SERI LAKUKAN?

DR M: SAYA TIDAK TAHULAH TENTANG WAWASAN ITU...BANYAK ORANG YANG BERCAKAP TENTANG WAWASAN SAYA. SEBENARNYA IA TIDAK LEBIH DARIPADA HASRAT SETIAP RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENJADI LEBIH BAIK DARIPADA KEADAAN MEREKA HARI INI, UNTUK DIHORMATI, UNTUK LEBIH SEJAHTERA, UNTUK HIDUP DI NEGARA YANG DITADBIRKAN DENGAN BAIK, UNTUK MENIKMATI KESTABILAN POLITIK... INI HASRAT SETIAP ORANG. SAYA CUMA MENGHURAIKANNYA DALAM KATA-KATA, JADI TIDAKLAH ADA WAWASAN DALAM ERTI SEPERTI YANG DIKATAKAN ITU. MEMANGLAH MENJADI HASRAT SETIAP ORANG UNTUK MELIHAT INI BERLAKU. DAN SAYA RASA, WALAUPUN SAYA TIDAK SEHARUSNYA MEMBUAT PENILAIAN MENGENAINYA, ORANG LAIN DAPAT MEMBUAT PENILAIAN DENGAN LEBIH BAIK SETELAH MELIHATNYA DARI JAUH DARIPADA DARI DALAM DIRI SAYA SENDIRI...TETAPI HAKIKATNYA IALAH PURATA RAKYAT NEGARA INI SEKARANG MENURUT PERANGKAAAN ADALAH JAUH LEBIH BAIK KEADAANNYA DARIPADA DAHULU, KADAR KEMISKINAN SUDAH BERKURANGAN DENGAN BANYAKNYA, RAKYAT PADA AMNYA MENIKMATI HIDUP YANG LEBIH BAIK. SATU ULASAN YANG SAYA DENGAR DARIPADA PEMERHATI ASING IALAH RAKYAT MALAYSIA NAMPAKNYA MENDAPAT MAKAN DENGAN SECUKUPNYA. BANYAK LAGI ULASAN YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KITA SUDAH MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN YANG BAIK. KITA TELAH MENCAPAI SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN DARIPADA MATLAMAT ITU. -- LAGI.

1237MST 28 12 89

R B108 DEB EHC

PM - WAWANCARA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: KINI SEDANG KITA MENGHAMPIRI AKHIR DEKAD 1980-AN DAN MEMASUKI DEKAD BARU APAKAH YANG HARUS KITA LAKUKAN DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN 1990-AN?

DR M: SUDAH PASTI PADA MULANYA KITA HARUS MENERUSKAN SEGALA PERKARA YANG SEDANG KITA LAKUKAN TETAPI SAYA FIKIR, KERANA POTENSINYA ADALAH TERLALU BESAR, MAKA KITA HENDAKLAH MENINGKATKAN LAGI USAHA-USAHA KITA DAN UNTUK ITU KITA HARUS MEMILIKI SIKAP YANG BETUL. TIDAK MEMADAI HANYA BAGI KERAJAAN SAHAJ UNTUK MENGADAKAN SESUATU, TURUT DIPERLUKAN IALAH BAGI RAKYAT BERSIAP SEDIA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG KITA TELAH TETAPKAN UNTUK DIRI KITA... DAN DENGAN POTENSI YANG ADA PADA DIRI KITA ITU, SAYA YAKIN BAHAWA KITA AKAN DAPAT MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN YANG LEBIH PESAT.

S: MEMANDANGKAN BEBERAPA MASALAH NAMPAKNYA SEDAH DIATASI DAN KEADAAN KEMBALI STABIL DARIPADA SEGI POLITIK DAN KINI DENGAN PENANDATANGAN PERJANJIAN PERDAMAIAN DENGAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAN KESTABILAN DALAM UMNO SENDIRI...DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN APAKAH AKAN TERDAPAT PEMBANGUNAN DI KAWASAN-KAWASAN SEPERTI DI SEMPADAN. ADA ORANG YANG MENGATAKAN BAHAWA KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN KAYA DENGAN HASIL BUMI?

DR M: TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA DENGAN PERLETAKAN SENJATA PKM IA BERMAKNA BANYAK KAWASAN DI SEMPADAN BOLEH DIBANGUN DAN DIMAJUKAN. BAGAIMANAPUN SEPERTI DI TEMPAT-TEMPAT LAIN SESUATU RANCANGAN PEMBANGUNAN HENDAKLAH DIJALANKAN DENGAN BETUL. MISALNYA JIKA TERDAPAT EMAS DI KAWASAN TERSEBUT DAN SEMUA ORANG PERGI KE SITU DENGAN SEBATANG CANGKUL UNTUK Mencari EMAS, MEREKA TIDAK AKAN MEMPEROLEHI HASIL YANG MAKSIMUM DENGAN CARA ITU. JIKA IA DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA MAKA KERAJAAN AKAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN DAN JIKA KERAJAAN UNTUNG MAKA RAKYAT AKAN DAPAT MENIKMATI SEBAHAGIAN DARIPADA KEKAYAAN HASIL BUMI. MEMANDANGKAN MALAYSIA IALAH SEBUAH NEGARA YANG DEMOKRATIK KADANG-KALA KERAJAAN TERBAWA-BAWA HENDAK MENJADI POPULAR DAN APABILA KERAJAAN HANYA BERFIKIR UNTUK MENJADI POPULAR, AMNYA RAKYAT AKAN MERANA KERANA KEPENTINGAN BEBERAPA ORANG TERTENTU AKAN DIUTAMAKAN DAN BUKANNYA KEPENTINGAN KESELURUHAN RAKYAT. -- LAGI.

1241MST 28 12 89

D055

R B109 DEB EHC

PM WAWANCARA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, BERCAKAP TENTANG POPULARITI...APABILA KITA MENELITI REKOD PENTADBIRAN DATUK SERI, IA BERMULA DENGAN BAIK TETAPI KEMUDIAN NAMPAKNYA SEOLAH-OLAH IMEJ KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI MULA MEROSOT DAN KINI POPULARITI DATUK SERI NAIK SEMULA. ORANG RAMAI BERTANYA BAGAIMANA DATUK SERI DAPAT MENCAPAI INI WALAUPUN TERDAPATNYA PELBAGAI CABARAN?

DR.M: IA BUKAN SOAL PENGURUSAN, IA MERUPAKAN REAKSI BIASA MANA-MANA MASYARAKAT KEPADA PERUBAHAN. BAHAWA MASYARAKAT TIDAK MENGHADAPI SEBARANG PERUBAHAN YANG RADIKAL UNTUK SEKIAN LAMA DAN RAKYAT MERASA SELESA DAN SUDAH PASTI BANYAK HARAPAN DIBANGKITKAN SEMASA SAYA MENJADI PERDANA MENTERI DAN POPULARITI ITU SEBENARNYA IALAH KERANA HARAPAN YANG MENJULANG TINGGI ITU. WALAUPUN MEREKA MENJANGKA SESUATU PERUBAHAN AKAN BERLAKU MEREKA TIDAK MAHU KEPADA PERUBAHAN. APABILA KITA MELAKSANAKAN PERUBAHAN DENGAN SEKELIP MATA MEREKA MENJADI KURANG SENANG. MISALANNYA BILA KITA MENGANJURKAN AGAR RAKYAT MENGALIH PANDANGAN DARI BARAT KE TIMUR...IA SATU PERUBAHAN DAN MEREKA TIDAK MENILAI ATAU MEMIKIR SEDALAM-DALAMNYA TENTANG HASIL PANDANG KE TIMUR. MEREKA HANYA MERASA KURANG SENANG KERANA SETELAH SEKIAN LAMA MEMANDANG KE BARAT KINI DIKEHENDAKI MEMANDANG KE TIMUR....TERDAPAT BANYAK PERKARA ATAU SLOGAN SEPERTI PENSWASTAAN, PERSYARIKATAN MALAYSIA...SEMUA INI MEMBAWA KEPADA PERUBAHAN. APABILA TERDAPAT PERUBAHAN AKAN TERDAPAT KETIDAKTENTUAN DAN APABILA WUJUD KETIDAKTENTUAN MAKA AKAN TIMBUL USAHA UNTUK MENGUTUK ORANG YANG MEMBAWA PERUBAHAN TETAPI SETELAH MASA BERLALU PERUBAHAN YANG DIJALANKAN TELAH MEMBUAHKAN HASIL DAN KINI APABILA SESEORANG ITU MELIHAT AKAN HASIL DARIPADA PERUBAHAN ITU MAKA ORANG BERKENAAN AKAN MENUKAR PENDAPATNYA .... OLEH YANG DEMIKIAN INI BUKANLAH SOAL POPULARITI SAYA ATAU TIDAK POPULAR. HAKIKATNYA IALAH MANA-MANA MASYARAKAT APABILA MENGHADAPI SESUATU PERUBAHAN RADIKAL AKAN BERTINDAK SERUPA...TIDAK SIAPA YANG BOLEH MENAFIKAN INI. JADI BAGI SAYA JIKA SAYA DAPAT BERTAHAN SAYA FIKIR SAYA BOLEH MENJADI POPULAR LAGI. BAGAIMANAPUN SUDAH PASTI JIKA SAYA TIDAK DAPAT BERTAHAN PADA KETIKA SAYA TIDAK POPULAR SUDAH PASTI SAYA TIDAK AKAN DAPAT MELIHAT HASILNYA SAMA SEKALI. TIDAK AKAN ADA LAGI POPULARITI.

S: DATUK SERI MENYEBUT MENGENAI SLOGAN SEPERTI PERSYARIKATAN MALAYSIA ATAU BERSIH, CEKAP DAN AMANAH...ADAKAH DATUK SERI TELAH BERJAYA MENCAPAI SESETENGAH DARIPADA MATLAMATNYA?

DR M: SAYA FIKIR ADALAH JELAS BAHAWA KITA TELAH MENCAPAINYA. SIKAP PARA PEGAWAI KERAJAAN TERHADAP SEKTOR SWASTA TELAH BERUBAH TETAPI BUKAN PERUBAHAN YANG RADIKAL YANG SAYA INGIN LIHAT TETAPI HAKIKATNYA IALAH MEREKA TELAH BERUBAH. KINI PERANAN SEKTOR SWASTA LEBIH DIFAHAMI DAN KAITANNYA DENGAN SEKTOR AWAM. SEBELUM INI IA MERUPAKAN PERSOALAN, SAYA LAKUKAN INI UNTUK ANDA DAN ANDA MENIKMATI HASILNYA TETAPI APAKAH YANG SAYA DAPAT? BAGAIMANAPUN KINI KITA TELAH FAHAM BAHAWA KITA AKAN MEMPEROLEHI SESUATU KERANA, JIKA ANDA BERJAYA, IA AKAN MERUPAKAN WANG UNTUK MEMBAYAR GAJI KAMI, JIKA TIDAK DARI MANAKAH WANG ITU AKAN DIPEROLEHI? SUDAH TENTU ORANG PERSEORANGAN ITU SENDIRI TIDAK AKAN MEMPEROLEHI APA-APA BAHAGIAN DALAM APA JUA YANG DILULUSKANNYA. BAGAIMANAPUN BELIAU TAHU BAHAWA APA SAHAJA YANG DILAKUKANNYA UNTUK MEMUDAHKAN SESUATU PERNIAGAAN, AKHIRNYA AKAN TURUT MEMBERI FAEDAH KEPADANYA, DAN OLEH YANG DEMIKIAN ITULAH PERUBAHANNYA. SAYA FIKIR INI BELUM DISEDARI SEPENUHNYA.

PENSWASTAAN...KITA TELAH MELIHAT BAHAWA AGENSI-AGENSI YANG DISWASTAKAN ITU KINI TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI YANG LEBIH BAIK. MEREKA BUKAN LAGI MENJADI BEBAN KEPADA KERAJAAN. MALAH MEREKA TELAH BERJAYA MEMBERI KAKITANGAN MEREKA GAJI YANG LEBIH BAIK, DAN JUGA BONUS YANG TIDAK MUNGKIN DIBERIKAN JIKA IA DIURUS OLEH KERAJAAN...KINI MEREKA LEBIH EFISYEN, MEREKA BEKERJA DENGAN LEBIH PANTAS, INI TURUT JUGA BERJAYA DIHASILKAN.

DARIPADA SEGI BERSIH, CEKAP DAN AMANAH, KITA TELAH BERJAYA MEMBUANG SESETANGAH DARIPADA PEKERJA YANG TELAH TIDAK MEMATUHI PRINSIP INI. PARA PEGAWAI KERAJAAN KINI LEBIH MUDAH DIKENALI...MEREKA TEREPAKSA MEMAKAI TANDA NAMA. SUDAH PASTI TERDAPAT PENYELEWENGAN BERKAITAN DENGAN MASA ATAU LAIN-LAIN TETAPI PADA KESELURUHANNYA SAYA FIKIR TELAH TERDAPAT HASIL YANG AMAT JELAS. -- LAGI.

1249MST 28 12 89

D094

R B136 DEB  
(ULANGAN)  
PM WAWANCARA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: WALAUPUN PADA HAKIKATNYA MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR DAN MASIH BELUM DITEROKAI SEPENUHNYA TETAPI DENGAN PENINGKATAN SIKAP PELINDUNGAN DAN PERKEMBANGAN BLOK SERANTAU, POTENSI YANG ADA INI AKAN TERHALANG JIKA KITA TIDAK DIBUAT SESUATU. JADI APAKAH LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL OLEH MALAYSIA UNTUK MENGATASI HALANGAN TERSEBUT?

DR M: KITA PERLU CERGAS SEDIKIT PADA PERINGKAT ANTARABANGSA SUPAYA PANDANGAN KITA DAPAT DITERIMA. KITA BERASA KITA BOLEH MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PERBINCANGAN UNTUK MENGURANGKAN SIKAP PELINDUNGAN. KITA MESTI MENGAKUI BAHAWA PENDEKATAN KITA AGAK AGRESIF. SEBAGAI CONTOH, MASALAH ALAM SEKITAR SEKARANG INI TELAH DIJADIKAN ALAT KEPADA SIKAP PELINDUNGAN. KITA PERLU MENDEDAHKAN INI. DAN APABILA KITA MENUNJUKKAN KITA BUKAN YANG BERSALAH...SEBENARNYA NEGARA-NEGARA MAJULAH YANG BERSALAH, INI SEDIKIT SEBANYAK TELAH MENGURANGKAN KESALAHAN ITU DILETAKKAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEBAGAI PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEBABKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR. KITA TIMBULKAN MASALAH ANTARTIKA...MEMANG BENAR, KITA TELAH DISURUH DIAM OLEH NEGARA-NEGARA KUASA BESAR TETAPI SEKARANG MEREKA PULA BERSETUJU DENGAN PANDANGAN KITA BAHAWA KEGIATAN PERLOMBONGAN TIDAK BOLEH DIJALANKAN DI ANTARTIKA, SEPERTI MANA KITA SERING MENYARANKANNYA. TIDAK MENGAPA KITA TIDAK MENDAPAT NAMA KERANA PERKARA ITU. HAKIKATNYA IALAH PANDANGAN KITA KINI TELAH MENDAPAT PENGHORMATAN. JADI, DENGAN BERBUAT BEGINI KITA BOLEH MENGALIH TUDUHAN SEPERTI ITU DARIPADA DIHALAKAN KEPADA KITA DAN MENDAPAT KEHORMATAN SUPAYA PANDANGAN KITA MENGENAI SIKAP PELINDUNGAN AKAN DIBERI PERHATIAN LEBIH SERIUS.

S: APAKAH DATUK SERI NAMPAK ISU ALAM SEKITAR MENJADI PENGHALANG KEPADA PERTUMBUHAN DUNIA DAN APAKAH PENGIKHTIRIFAN ISU ALAM SEKITAR MENYEBABKAN PENGGUNAAN LEBIH BAIK SUMBER-SUMBER DUNIA. APA PANDANGAN DATUK SERI TENTANG PERANAN MALAYSIA?

DR M: JIKA IA DITUJUKAN KEPADA SEMUA, IA TIDAK AKAN MENGHALANG PERTUMBUHAN DUNIA, KERANA, SEBAGAI CONTOH, UNTUK MENGURANGKAN PENCEMARAN DI NEGARA-NEGARA MAJU, SESETENGAH KEGIATAN (PERINDUSTRIAN) HARUS DIPINDAHKAN KE TEMPAT LAIN DAN APABILA IA DIPINDAHKAN, IA MELIBATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU DAN INI AKAN MENGURANGKAN PENCEMARAN. CUBA KITA AMBIL CONTOH PELEPASAN KLOROFLOROKARBON (CFC). PELEPASAN CFC ADALAH BERPUNCA DARIPADA KEINGINAN UNTUK MEMILIKI APA SAHAJA DENGAN CARA YANG PALING SELESA. SEBELUM ADANYA CFC, KITA BOLEH GUNAKAN ALAT PENYEMBUR GETAH UNTUK MENGERINGKAN RAMBUT TETAPI DISEBABKAN MEREKA ADA CFC MEREKA FIKIR DENGAN HANYA PERLU MENGGUNAKAN Hujung JARI SAHAJA UNTUK TUJUAN ITU. TETAPI SEKARANG KITA TELAH MENGELUARKAN SATU ALAT PENYEMBUR DARI GETAH YANG BOLEH BERFUNGSI SAMA BAIK SEPERTI CFC. INI BERMAKNA KITA MEMPUNYAI KESEDARAN TERHADAP ALAM SEKITAR. MEREKA TERPAKSA MEMBELI LEBIH BANYAK GETAH DAN MENINGKATKAN PERDAGANGAN DAN MEREKA TERPAKSA MENGURANGKAN PENGGUNAAN SESETENGAH DARIPADA BARANGAN KELUARAN MEREKA. PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA DI DUNIA PERLU DIPERTINGKATKAN DAN OLEH KERANA SEKATAN INI AKAN DILUASKAN KE SELURUH DUNIA, SEMUA PIHAK TERPAKSA MEMBAYAR HARGA YANG LEBIH DAN ITULAH DIA. JADI, SEBENARNYA TIDAK AKAN MENGURANGKAN PERDAGANGAN ASALKAN IA DIKENAKAN SAMA RATA. IA AKAN TERJADI, JIKA MEREKA BERKATA IA DIKENAKAN SAMA RATA. IA JUGA AKAN TERJADI JIKA MEREKA BERKATA JANGAN BELI KAYU TROPIKA TETAPI ITU SEMUA KERANA MEREKA MAHU MENJUAL KAYU MEREKA SENDIRI...KITA AKAN TUNJUKKAN KEPADA MEREKA ITU SEMUA MUSLIHAT DAN BUKAN KERANA ALAM SEKITAR...SEBAGAI CONTOH, KANADA MENJUAL KAYU BERNILAI AS\$20,000 JUTA SETAHUN. SEKARANG NILAI EKSPORT KITA SETAHUN HAMPIR SAMA BANYAK DENGAN JUMLAH ITU...INI TERMASUK GETAH, KELAPA SAWIT, TIMAH, ELEKTRONIK, SEMUA SEKALI DICAMPUR BARU KIRA-KIRA AS\$20,000 JUTA. JADI, SIAPA YANG SEBENARNYA MENEBAH POKOK-POKOK KAYU... INILAH HAKIKAT YANG PERLU DIDEBAHKAN DAN SEKALI KITA DEBAHKAN, SAYA FIKIR NEGARA KITA MAMPU MENERUSKAN PERTUMBUHAN.

-- LAGI.

1538MST 28 12 89

D099

R B138 DEB

(ULANGAN)

PM WAWANCARA 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, BERBALIK KEPADA SOALAN MENGENAI KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM. KITA MENGAMBIL MASA YANG PANJANG UNTUK MENJAYAKAN AGENSI SETEMPAT. NAMPAKNYA IA BERJALAN LANCAR SEKARANG. APA YANG MEMBIMBANGKAN SEKARANG IALAH DATUK SERI RAFIDAH AZIZ (MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN) BERKATA BAHAWA KERAJAAN NEGERI TIDAK BERGERAK SEPANTAS YANG DIKEHENDAKI. APAKAH PENDAPAT DATUK SERI MENGENAI PERKARA INI?

DR.M : KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MEMANG SELALUNYA KETINGGALAN. SAYA TIDAK RASA IA SESUATU YANG PATUT KITA GEMBAR-GEMBURKAN. KITA BOLEH MENGUBAH MEREKA. KITA MESTI MENJANGKA BAHAWA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SELALUNYA KURANG SOFISTIKATED DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN. KITA BERUNTUNG KERANA MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG TERBAIK YANG BOLEH DIDAPATI...MEREKA AKAN BERUBAH BILA TIBA MASANYA. WALAUPUN MEREKA TIDAK DAPAT MENGADAKAN AGENSI SETEMPAT SEKARANG INI, MEREKA SUDAH DAPAT MEMPERBAIKI KEUPAYAAN MEREKA. ANDA LIHAT KEGIATAN-KEGIATAN MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI, ANDA AKAN DAPAT MELIHAT BAHAWA MEREKA SEDANG BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH. ANDA AKAN DAPAT MELIHAT PEMBANGUNAN YANG MERUPAKAN HASIL USAHA-USAHA KERAJAAN NEGERI. MEREKA TELAH DAPAT MELAKUKANNYA DENGAN BAIK, LEBIH BAIK DARIPADA SEBELUM INI. TETAPI KITA TIDAK BOLEH MENGHUKUM MEREKA KERANA HANYA SATU KES TIDAK DAPAT MENUBUHKAN AGENSI SETEMPAT. MEREKA AKAN MENJADI LEBIH BAIK DAN KITA AKAN BEKERJA DENGAN MEREKA BAGI MEMASTIKAN MEREKA BERTAMBAH BAIK.

S: DATUK SERI, MENGENAI PERKEMBANGAN ANTARABANGSA, AMERIKA SYARIKAT TELAH MENYATAKAN KEBIMBANGAN DENGAN CARA MALAYSIA MENGGERAKKAN SIMPANAN LUARNYA. DATUK SERI TELAH MENYATAKAN TIDAK PUAS HATI BAHAWA G-7 (KUMPULAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN) MENGADAKAN PERTEMUAN BAGI MEMUTUSKAN MENGENAI MATA WANG DAN KADAR TUKARAN. ADAKAH DATUK SERI INGIN MENGULAS MENGENAI PERKARA INI?

DR.M: KITA MEMPUNYAI PERANAN KECIL SAHAJA DAN BAGI SEBUAH NEGARA BESAR SEPERTI AMERIKA, YANG MEMPUNYAI DEFISIT AS\$250,000 JUTA, MENGULAS MENGENAI SEBUAH NEGARA SEPERTI MALAYSIA MEMBELI DAN MENJUAL MATA WANG, SAYA RASA AGAK SUSAH UNTUK MEMAHAMI RASIONAL DAN MENILAI KEADAANNYA. KITA BUKANYA PEMAIN BESAR DALAM PASARAN MATA WANG DUNIA. KITA TIDAK AKAN MENJEJASKAN KESTABILAN DUNIA. SEBALIKNYA, DUNIA BOLEH MENJEJASKAN KESTABILAN KITA. APA YANG DIPERLUKAN HANYA SEBUAH BANK SAHAJA MENCURAHKAN M\$100 JUTA DI PASARAN DAN MATA WANG KITA AKAN TURUN DAN BILA MATA WANG KITA TURUN, HUTANG KITA NAIK. PADA MASA BANK MELAKUKAN PERKARA INI, TIDAK ADA SESIAPA YANG BERSUNGUT MELAINKAN KITA DAN KITA TIDAK DIDENGARI. SAYA FIKIR PERBANDINGAN YANG DIBUAT ADALAH TIDAK KENA. TENTUNYA KITA BERHAK MENJAGA KEPENTINGAN MATA WANG KITA. KITA SEDIA BERHENTI JIKA MEREKA BERHENTI CAMPUR TANGAN DALAM MATA WANG KITA. SEBAGAI CONTOH, BILA MEREKA MENAIKKAN NILAI YEN SEKALI GANDA DARIPADA NILAINYA YANG SEKALI GUS MENGGANDAKAN HUTANG KITA, MENGAPA KITA TIDAK DIRUNDINGI? IA MERUPAKAN PERKARA BESAR BAGI KITA TETAPI KEGIATAN KITA MEMBELI DAN MENJUAL MATA WANG ADALAH PERKARA KECIL DIBANDINGKAN DENGAN URUSNIAGA BERATUS RIBU JUTA YANG BERJALAN DI SELURUH DUNIA.

S: ADAKAH INI BERMAKNA HANYA KITA SAHAJA YANG MELAKUKANNYA?

DR.M : SAYA TIDAK TAHU SAMA ADA HANYA KITA SAHAJA YANG MELAKUKANNYA. TETAPI SAYA FIKIR MANA-MANA NEGARA PATUT MELAKUKANNYA BAGI MENJAGA MATA WANGNYA SENDIRI. SESETANGAH NEGARA MEMBANGUN MUNGKIN TIDAK BERUPAYA UNTUK MELAKUKANNYA. JIKA ANDA MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MENJAGA MATA WANG ANDA DARIPADA DIMANUPULASIKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN, ADAKAH HAK KITA ITU HENDAK DILUCUTKAN? -- LAGI.

1552MST 28 12 89

D101

R B140 DEB  
(ULANGAN)  
PM WAWANCARA 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, BERIKUTAN DENGAN KERUNTUHAN KOMUNISME HAMPIR DI SELURUH DUNIA, PERKARA YANG MENDAPAT TEMPAT SEKARANG IALAH DEMOKRASI. BAGAIMANA PANDANGAN DATUK SERI TENTANG PERKEMBANGAN DALAM TEMPOH 50 TAHUN AKAN DATANG ATAU KURANG DARIPADA ITU. SESETENGAH ORANG PERCAYA ISLAM SEBAGAI +AD-DIN+ AKAN MENJADI IDEOLOGI DUNIA KETIKA ITU NANTI. BOLEH KAMI DENGAR PENDAPAT DATUK SERI?

DR M: JANGKAAN KONONNYA OLEH KERANA SESEBUAH NEGARA MENGAMALKAN DEMOKRASI, MAKA IA AKAN MENCAPI KEMAKMURAN, ADALAH JANGKAAN YANG TERLALU LURUS. TIDAK SEMUDAH ITU UNTUK MENGURUSKAN DEMOKRASI, MUNGKIN LEBIH MUDAH UNTUK MENGURUSKAN SEBUAH PEMERINTAHAN AUTOKRASI. BEGITU BANYAK TIMBUL GANGGUAN POLITIK SEHINGGA TIDAK MUDAH BAGI NEGARA BERKENAAN MENCAPI PERTUMBUHAN. LIHAT SAHAJA RUSIA SEBAGAI CONTOH= SELAMA 70 TAHUN IA TIDAK MEMPUNYAI SISTEM KEUSAHAWANAN PERSENDIRIAN, TIDAK MEMPUNYAI PENGURUS PERSENDIRIAN, KEMAMPUANNYA UNTUK MENGURUSKAN SISTEM PASARAN BEBAS SANGATLAH TERHAD KERANA IA TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN. OLEH SEBAB ITU, SEMENTARA ADA KEMUNGKINAN WUJUDNYA KEBEBASAN POLITIK, EKONOMI PULA MUNGKIN GAGAL MEMBAWA APA YANG DIHARAPKAN OLEH RAKYAT DAN INI MUNGKIN MENGAKIBATKAN TIMBULNYA PERGOLAKAN MELAINKAN NEGARA-NEGARA BARAT MEMPUNYAI PANDANGAN YANG JAUH LEBIH POSITIF. KINI BARAT NAMPAKNYA SUDAH PUAS DENGAN KEMENANGAN MEREKA DAN MEREKA BEGITU GEMBIRA MELIHAT KEGAGALAN KOMUNIS, MEREKA BEGITU GEMBIRA YANG NEGARA-NEGARA KOMUNIS ITU MENGHADAPI TEMPOH MASA YANG KRITIKAL...TETAPI SIKAP SEPERTI ITU SILAP. BARAT HENDAKLAH CUBA MEMBANTU DAN BERSIKAP SIMPATI DAN CUBA MEMAHAMI BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN PULIH DENGAN SEBEGITU MUDAH. MEREKA MEMERLUKAN MASA 20 ATAU 30 TAHUN SEBELUM MEREKA BOLEH MEWUJUDKAN SEMULA PASARAN BEBAS DI MANA MEREKA MEMERLUKAN USAHAWAN, PENGURUS DAN PELBAGAI JENIS KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH SISTEM PASARAN BEBAS UNTUK MENCAPI MEMAKMURAN. KITA AKAN MELIHAT MUNCULNYA ZAMAN PERGOLAKAN DEMI PERGOLAKAN.

SAMA ADA ISLAM AKAN MENJADI IDEOLOGI ATAU AGAMA YANG AKAN MENYELAMATKAN DUNIA ATAU TIDAK, BANYAK BERGANTUNG KEPADA UMAT ISLAM SENDIRI. MALANGNYA KINI NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAK MENUNJUKKAN CONTOH-CONTOH YANG BAIK. MENGATAKAN ISLAM ITU BAIK ADALAH BERBEZA DENGAN MENGATAKAN BAHAWA ORANG YANG MENGANUTI ISLAM ITU BAIK. MEREKA TELAH MENUNJUKKAN YANG MEREKA BERSIKAP SUKA BERGADUH, TIDAK BERTOLAK ANSUR, MEREKA BERTELAGAH ANTARA SATU SAMA LAIN, MEREKA MEMBERI TAKRIF YANG SALAH KEPADA AJARAN AGAMA MEREKA SENDIRI DAN SECARA AMNYA, MEREKA BUKANLAH ORANG YANG MENGAMALKAN AJARAN ISLAM DENGAN BAIK, OLEH ITU MEREKA BUKANLAH CONTOH YANG BAIK. DAN JIKA MEREKA TIDAK MENJADI CONTOH YANG BAIK, BAGAIMANA MEREKA HENDAK MENJADI CONTOH TENTANG BAGAIMANA SESEBUAH NEGARA HENDAK DIPERINTAH SECARA MAKMUR DAN SEJAHTERA. TIDAK USAHLAH KITA MENIPU DIRI KITA. KITA MENGINGININYA TETAPI KEBANYAKAN ORANG ISLAM TIDAK MENGAMALKAN APA YANG MEREKA AJARKAN.

S: DATUK SERI BERKATA SEKEJAP TADI BAHAWA PENDEMOKRASIAN EROPAH TIMUR AKAN MEMBAWA KEPADA TEMPOH ZAMAN PERGOLAKAN MUNGKIN SEHINGGA 20 TAHUN...ADAKAH TIMBUL BAHAYA YANG PERGOLAKAN ITU MUNGKIN PULA MEMBAHARUI SEMULA PERANG DINGIN DAN MUNGKIN SESUATU YANG LEBIH BURUK DARIPADA ITU?

DR M: ADA KEMUNGKINAN YANG IA AKAN MEMBAWA KEPADA PEMERINTAHAN SECARA +AUTORITARIAN+ (PRINSIP YANG MENGUTAMAKAN TAAT SETIA KEPADA PIHAK YANG BERKUASA DI SESEBUAH NEGARA) SEMULA. ANDA TAHU BAHAWA SENANG UNTUK MENGATAKAN KUASA RAKYAT TELAH MENGEMBALIKAN DEMOKRASI SEMULA. TETAPI FIKIRAN MANUSIA TIDAK SAMA. MEREKA MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA-BEZA TENTANG BAGAIMANA SESUATU PERLU DILAKUKAN. MEREKA AKAN BERBELAH-BAHAGI SEBAIK SAHAJA MEREKA MENGGULINGKAN REJIM KOMUNIS. LALU MEREKA PUN AKAN BERPECAH-BELAH...MEREKA AKAN BERPERANG SESAMA SENDIRI DAN JIKA MEREKA TIDAK DAPAT MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL, AKAN TIMBUL PULA PELUANG UNTUK PIHAK TENTERA ATAU KOMUNIS MUNCUL SEMULA. MEREKA AKAN MEMBERI JAMINAN UNTUK MEWUJUDKAN KESTABILAN...TENTULAH ADA HARGANYA...DAN OLEH KERANA PIHAK LAIN TIDAK MAMPU MENJAMINKAN KESELEMATAN, ORANG-ORANG INI MUNGKIN BOLEH PULA MEREBut KUASA DENGAN PAKSAAN.

S: ADAKAH DATUK SERI FIKIR NEGARA-NEGARA BARAT BENAR-BENAR FAHAM INI?

DR M: SAYA TIDAK FIKIR BEGITU. SUNGGUH, SAYA TIDAK FIKIR BEGITU. PANDANGAN SAYA IALAH, PEMAHAMAN NEGARA-NEGARA BARAT TERHADAP MASALAH NEGARA ASING TIDAK ADA BEZANYA DENGAN BEKAS KUASA PENJAJAH. JENIS PENYELESAIAN YANG DIUTARAKAN OLEH RUSIA UNTUK AFGHANISTAN...MENDUDUKI AFGHANISTAN UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN YANG BERSAHABAT DENGANNYA ATAU PENDUDUKAN VIETNAM DI KEMBOJA TIDAKLAH MERUPAKAN SESUATU YANG EKSKLUSIF KEPADA NEGARA-NEGARA KOMUNIS SAHAJA. -- LAGI.  
1603MST 28 12 89

0060

R B113 DEB EHC

PM WAWANCARA 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, BERALIH KEPADA DASAR EKONOMI BARU....DEB TELAH BERJAYA MELAHIRKAN SEKUMPULAN PROFESIONAL MELAYU DAN SEBILANGAN JUTAWAN MELAYU. TETAPI IA GAGAL MEWUJUDKAN USAHAWAN DAN PENGUSAHA MELAYU. APA YANG KITA PERLU SEKARANG IALAH USAHAWAN DAN PENGUSAHA MELAYU YANG KUKUH. SELEPAS DIBERI BANYAK BANTUAN DAN SUBSIDI, BAGAIMANAKAH PADA PANDANGAN DATUK SERI DAPAT DILAHIRKAN KUMPULAN SEPERTI INI?

DR M: PADA FIKIRAN SAYA DALAM MASA 20 TAHUN DENGAN MENGAMBIL KIRA KADAR PERTUMBUHAN BEBERAPA NEGARA, DEB TELAH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK. JIKA KITA AMBIL KIRA KADAR PERTUMBUHAN 10 PERATUS BAGI SEBUAH NEGARA, IA SATU KADAR YANG TINGGI. BAGI DEB, KADAR PERTUMBUHAN BUMIPUTERA DARI SATU PERATUS KEPADA 19 PERATUS ATAU 20 PERATUS DALAM 20 TAHUN BERERTI PADA KADAR 2000 PERATUS BAGI TEMPOH SELAMA 20 TAHUN ATAU ATAU LEBIH KURANG 100 PERATUS SETAHUN DAN INI SEMAKIN BERTAMBAH... BILA DIKIRA-KIRA. DARI SEGI INI, IA MERUPAKAN SATU KEJAYAAN. TERDAPAT BEBERAPA ASPEK LAIN DALAM DEB, YANG MANA DISEBABKAN TIDAK TERLALU KONTROVERSIAL, KITA TIDAK PERNAH SEBUT LANGSUNG. CONTOHNYA, KITA BERJAYA MENGURANGKAN KEMISKINAN DAN INI JUGA SATU KEJAYAAN BESAR... JUGA JIKA KITA AMBIL MANA-MANA NEGARA SEKALIPUN MEREKA TIDAK MAMPU UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN SEPERTI MANA YANG KITA CAPAI DENGAN DEB. SAYA KATAKAN INI SECARA TERBUKA. DENGAN APA CARA SEKALI PUN JIKA DIBUAT BANDINGAN DENGAN SEMUA NEGARA TERMASUK NEGARA-NEGARA MAJU DAN KITA DAPATI PENGURANGAN KADAR KEMISKINAN ADALAH TINGGI. SATU LAGI ASPEK DALAM DEB IAITU MENINGKATKAN KEMAHIRAN BUMIPUTERA MELALUI PENDIDIKAN, BIASISWA... DI SINI JUGA KITA MENCAPAI KEJAYAAN... TIDAK HINGGA KE MATLAMATNYA TETAPI MATLAMAT YANG DITETAPKAN, SAYA FIKIR, TERLALU TINGGI... 30 PERATUS DALAM 1990 BUKAN 30 PERATUS DALAM 1970, INI KERANA SEPANJANG MASA PERTUMBUHAN 30 PERATUS DARIPADA KADAR PERTUMBUHAN LAPAN PERATUS SETAHUN. ITU SATU PERTUMBUHAN YANG BESAR TETAPI SAYA HARUS MENGAKU BAHAWA SAYA KECEWA DENGAN SIKAP, SIKAP BUMIPUTERA YANG MELIHAT DEB SEBAGAI CARA UNTUK CEPAT KAYA, BUKAN UNTUK MENAMBAH KEMAHIRAN. MEREKA SANGGUP MENGGADAI HAK MEREKA DALAM DEB UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN SEGERA. DENGAN MENJUAL NAMA, LESEN-LESEN, MEREKA FIKIR INILAH CARA YANG DEB HENDAKKAN MEREKA BUAT... SEMEMANGNYA MEREKA SALAH. MEREKA SEBENARNYA MEROSAKKAN DIRI SENDIRI. SAYA BIMBANG DI SINI KITA TIDAK HANYA BOLEH MENYALAHKAN BUMIPUTERA, KITA JUGA HARUS MENYALAHKAN KERAJAAN KERANA TERLALU BERTOLAK ANSUR. KITA TIDAK AMBIL TINDAKAN, MISALNYA, APABILA BUMIPUTERA MENJUAL LESEN, KITA BENARKAN ATAU MENJUALKAN KONTRAKNYA... JUGA KITA BENARKAN DAN SELEPAS KONTRAK DIBERI, KITA PERGI KE TAPAK PROJEK KITA DAPATI TIDAK SEORANG PUN BUMIPUTERA SAMA ADA BEKERJA SEBAGAI BURUH ATAU PENGURUS ATAU PENYELIA.

KITA HANYA TUTUP MATA, (KERANA) ITU KERAJAAN JUGA SILAP. KEMUDIAN TERDAPAT PULA BUKAN BUMIPUTERA YANG SANGGUP MEMBAYAR KEPADA BUMIPUTERA SUPAYA MEREKA TIDAK PERLU BERSUSAH-PAYAH. AKHIRNYA, BUMIPUTERA SENDIRI TIDAK DAPAT MENIMBA SEBARANG KEMAHIRAN PUN. MEREKA BOLEH MENDAPAT KONTRAK TETAPI MEREKA TIDAK BOLEH MENJALANKAN WALAUPUN SATU KONTRAK. MAAFLAH SAYA BERKATA BEGINI. DAN TERDAPAT PULA BUMIPUTERA YANG MEMIKIR INILAH CARANYA YANG PALING SENANG. TETAPI, SEBENARNYA APA YANG MEREKA LAKUKAN ITU AKAN MEROSAKKAN KEUPAYAAN MEREKA SENDIRI. DI SINI MEREKA TELAH DIBERI PELUANG UNTUK MEMPELAJARI CARA-CARA UNTUK MENGURUS TETAPI DENGAN CARA BEGITU DAN MENDAPAT SEDIKIT WANG DENGAN MENYERAHKAN LESEN-LESEN DAN SEMUA ITU TELAH MENYEBABKAN MEREKA KEHILANGAN PELUANG-PELUANG UNTUK MENGURUS, BELAJAR ETIKA KERJA YANG BAIK DAN AKHIRNYA MEREKA TIDAK BOLEH BERJAYA JIKA DIBIARKAN MEREKA BERSENDIRIAN, MEREKA MASIH TERPAKSA MENGGUNAKAN BANTUAN, BANTUAN KERAJAAN. WALAUPUN PERKARA MUDAH, SEPERTI LESEN TEKSI, KITA PADA AMNYA TELAH MEMBERI SEMUA LESEN TEKSI KEPADA BUMIPUTERA TETAPI JIKA KITA NAIK TEKSI DI KUALA LUMPOUR, AGAK SUSAH UNTUK MENEMUI TEKSI DIPANDU OLEH BUMIPUTERA. APA YANG SEBENARNYA BERLAKU IALAH SEBAIK SAHAJA MEREKA DAPAT LESEN, MEREKA MENJUALKANNYA. MEREKA SAMPAI TIDAK TAHU UNTUK MEMBELI TEKSI, TIDAK TAHU BAGAIMANA MENGENDALIKANNYA ATAU MENGURUSKAN TEKSI ITU. MEREKA TIDAK TAHU BAGAIMANA HENDAK MENGENDALIKAN TEKSI ATAU MENGHUBUNGI PEMANDU ATAU BAGAIMANA MENGENDALIKAN PEMANDU... DENGAN PERKATAAN LAIN MEREKA SEBENARNYA TIDAK MAHIR. WALAUPUN MEREKA MENDAPAT SEDIKIT WANG DAN APABILA KITA TANYA MEREKA KENAPA BERBUAT BÉGINI, MEREKA MENJAWAB... APA HENDAK DIKISAHKAN SEKURANG-KURANGNYA KAMI DAPAT SEDIKIT WANG, BERILAH KAMI BANYAK LAGI LESEN. MEMANG TERDAPAT SEDIKIT KEKECOHAN KERANA SEKARANG KERAJAAN MEMUTUSKAN MESTI ADA SYARIKAT SUPAYA KITA DAPAT MEMERHATI APA YANG MEREKA BUAT, JIKA MEREKA BUAT TIDAK BETUL, KITA BOLEH BETULKAN TETAPI KITA TIDAK BOLEH MEMBUAT BEGITU TERHADAP PERSEORANGAN BUMIPUTERA.

S: DATUK SERI, ADAKAH SEKARANG KERAJAAN AKAN LEBIH TEGAS BERHUBUNG DENGAN BUMIPUTERA?

DR M: YA, SEKARANG PENEKANAN AKAN DITUMPUKAN BAGI MELAHIRKAN PENGURUS BUMIPUTERA YANG BAIK. MEREKA YANG BENAR-BENAR BERTANGGUNGJAWAB.... SAMPAI KITA MENGGALAKKAN USAHA SAMA ANTARA BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA, APA YANG DIPANGGIL ALI-BABA. TETAPI KITA MAHU ALI BEKERJA DAN JIKA TIDAK TERDAPAT BUKTI ALI ADA MEMBUAT KERJA, KITA AKAN MEMBERI LESEN KEPADA BABA. JIKA DIA MAHU LESEN UNTUK DIA SENDIRI, DIA MESTI KERJA DAN BUKTIKAN DIA BEKERJA... DIA MESTI BERUNDING, DIA MESTI KELUARKAN MODAL, JIKA DIA TIDAK MEMPUNYAI MODAL, DIA PERLU MASUKKAN MODAL DARIPADA APA-APA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHINYA. DIA MESTI SANGGUP RUGI DAN TIDAK MENDAPAT UNTUNG PADA PERINGKAT AWAL. MENDERITA DAHULU. KITA AKAN LAMA-KELAMAAN SAMPAI KEPADA INI, SEBAB ITU KITA MULAKAN UNIVERSITI DENGAN MEMBERI PENEKANAN KHUSUSNYA KEPADA PENGURUSAN. KITA PERCAYA BAHAWA BUMIPUTERA MASIH BELUM MEMPUNYAI KEMAHIRAN PENGURUSAN. MEREKA HARUS BELAJAR DARI PENGALAMAN TETAPI OLEH KERANA MEREKA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN, KITA AKAN MENGAJAR MEREKA DI UNIVERSITI. MEMANG, CARA INI TIDAK POPULAR TETAPI KITA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB. SAMPAI BILA KITA HARUS MEMBERI BANTUAN KEPADA MEREKA SEPERTI YANG DILAKUKAN SEKARANG INI?. -- LAGI.

1323MST 28 12 89

## PM WAWANCARA 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, WALAUPUN KITA TELAH MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEBANYAKAN NEGARA MAJU, TETAPI ANGKA-ANGKA DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA MENUNJUKKAN BAHAWA KADAR KEMISKINAN DI NEGERI-NEGERI YANG KAYA DENGAN MINYAK SEPERTI TERENGGANU, SABAH DAN SARAWAK SEBENARNYA SEMAKIN BURUK SEDANGKAN KEADAAN BERTAMBAH BAIK DI NEGERI-NEGERI SEPERTI PERLIS DAN KEDAH, YANG TIDAK MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER. MENGAPA BERLAKU DIKOTOMI SEPERTI INI?

DR M: SEBAHAGIAN BESAR SEBABNYA IALAH PENGHIJRAHAN. RAKYAT KELANTAN DAN TERANGGANU YANG KAYA BERADA DI KUALA LUMPUR ATAU DI SINGAPURA ATAU TEMPAT-TEMPAT LAIN. KEBANYAKAN ORANG YANG MENDAPAT PENDAPATAN LUMAYAN MENJUAL IKAN BAKAR DI CHOW KIT ADALAH DARI KELANTAN. YANG TINGGAL ADALAH MEREKA YANG KURANG BERUSAHA DAN MENYEBABKAN MEREKA MISKIN. TETAPI, SEBENARNYA TIDAK ADA SEBAB BAGI KEMISKINAN DI NEGARA INI. MELAINKAN ANDA BENAR-BENAR TIDAK BERUPAYA, TIDAK ADA SESIAPA SEPATUTNYA MENJADI MISKIN KERANA KITA ADA TANAH, SUMBER-SUMBER DAN PEKERJAAN. MENGAPA ORANG INDONESIA, FILIPINA DAN THAILAND DATANG KE SINI. MEREKA DATANG KE SINI KERANA MEREKA BOLEH BUAT WANG DI SINI. ADA WANG YANG BOLEH DIBUAT DI SINI KERANA KITA TIDAK BERMINAT UNTUK MEMBUAT WANG SEPERTI ITU. ITU SEBABNYA MENGAPA ANWAR (MENTERI PENDIDIKAN) BERCAKAP MENGENAI PARA SISWAZAH YANG ENGGAN BEKERJA SEMATA-MATA KERANA DIA MENDAPAT GAJI KURANG SEDIKIT DARIPADA RAKAN-RAKAN SEKULIAHNYA. MAKSUD SAYA, SIKAP SEUMPAMA ITU AKAN MENYEBABKAN PENGANGGURAN.

S: TETAPI KEMISKINAN DALAM KES SEUMPAMA INI BEGITU MENARIK. MENGAPA NEGERI-NEGERI KAYA SEPERTI SABAH, SARAWAK DAN TERENGGANU MEMPUNYAI KADAR KEMISKINAN YANG TINGGI?

DR M: SAYA FIKIR IA ADALAH KERANA SIKAP DAN TIDAK MAHU BEKERJA. SEBAGAI CONTOH, RANCANGAN FELDA DI SABAH DAN SARAWAK TIDAK AKAN MENARIK SEBARANG PEKERJA (TEMPATAN) SAMA SEKALI SEBAGAI PERSEDIAAN SEBELUM PENEROKA DIBAWA MASUK. SEPERTI YANG ANDA TAHU SISTEM KITA IALAH PARA PENEROKA TIDAK AKAN MASUK SELAGI RANCANGAN BELUM MENDATANGKAN HASIL. TETAPI SEBELUM ITU ANDA PERLU MEMBUKA TANAH DAN MENJALANKAN SEGALA-GALANYA DAN INI TIDAK DIJALANKAN OLEH RAKYAT SABAH TETAPI OLEH PARA PENDATANG, RAKYAT FILIPINA DAN INDONESIA. JIKA RAKYAT SABAH MENYERTAINYA DAN BEKERJA, TIDAK AKAN ADA ORANG FILIPINA ATAU INDONESIA DAN MASYARAKAT SABAH AKAN MEMPUNYAI WANG TETAPI MEREKA TIDAK MAHU. KITA TELAH BERTANYA SAMA ADA MEREKA BOLEH DATANG DAN MULA BEKERJA DARI HARI PERTAMA. MEREKA PERLU TERLIBAT MENEBAH POKOK, MEMBERSIHKAN TANAH DAN MEMANDU TRAKTOR, MENANAM DAN SEGALANYA, SUDAH TENTU MEREKA AKAN MENDAPAT WANG.

S: TETAPI ADAKAH SEBAHAGIAN DARIPADA SEBABNYA ADALAH KERANA DASAR-DASAR BALAK DI KEDUA-DUA NEGERI (SABAH DAN SARAWAK) DI MANA KAWASAN-KAWASAN BALAK KEBANYAKANNYA BERADA DALAM TANGAN SEGELINTIR ORANG YANG MENGENDALIKAN PERNIAGAN BERIBU JUTA DAN RAKYAT SECARA KESELURUHANNYA TIDAK BOLEH MENYERTAI INDUSTRI ITU MELAINKAN JIKA MENJADI PEKERJA BALAK?

DR M: SAMA ADA INDUSTRI PEMBALAKAN DIMILIKI OLEH SATU ORANG ATAU 10 ORANG, JIKA MEREKA TIDAK BERSEDIA UNTUK BEKERJA, MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT WANG. SEBAGAI CONTOH, SELURUH INDUSTRI PEMBALAKAN BOLEH DIMILIKNEGARAKAN, TETAPI RAKYAT AKAN TETAP MISKIN JIKA MEREKA TIDAK BEKERJA. JADI ITU MERUPAKAN SATU LAGI PERKARA, SAMA ADA TERDAPAT PEMBAHAGIAN KEKAYAAN YANG ADIL DI PERINGKAT ITU. TETAPI APA YANG KITA PERKATAKAN IALAH KEMISKINAN DI PERINGKAT LEBIH RENDAH. SEPATUTNYA TIDAK ADA KEMISKINAN SEKIRANYA RAKYAT BERSEDIA UNTUK BEKERJA. -- LAGI.

## PM WAWANCARA 9 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, EKONOMI NEGARA NAMPAKNYA SUDAH BERKEMBANG DENGAN LUASNYA DALAM TEMPOH SATU DEKAD YANG LEPAS. INDUSTRI ELEKTRONIK TELAH MENJADI INDUSTRI NOMBOR SATU. TIDAKKAH DATUK SERI FIKIR MASANYA SUDAH TIBA UNTUK KITA MEMAJUKAN DASAR NILAI DITAMBAH, DEMIKIAN JUGA DENGAN KAYU. KITA TELAH SEKIAN LAMA MENGHARAMKAN EKSPORT BALAK DARI SEMENANJUNG. IA TIDAK BANYAK MENJEJASKAN KITA. TIDAKKAH BOLEH KITA LAKUKAN SEPERTI ITU TERHADAP SABAH DAN SARAWAK?

DR M: TERDAPAT MASALAH YANG KITA KENALI SEBAGAI PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN PERSEKUTUAN. BAGI KAYU BALAK YANG DIEKSPORT DARI NEGERI-NEGERI, NEGERI BERKENAAN MENDAPAT ROYALTI, YANG BERJUMLAH HAMPİR SAMA DENGAN DUTI EKSPORT. OLEH ITU JIKA KAYU ITU DIEKSPORT SEBAGAI BALAK, PENDAPATANNYA PERGI KEPADA KERAJAAN NEGERI. JIKA KAYU ITU DIPROSES MENJADI PERABOT ATAU HASIL KELUARAN NILAI DITAMBAH YANG LAIN, NEGERI ITU TIDAK MENDAPAT ROYALTI KERANA IA TIDAK DIEKSPORT SEBAGAI BALAK. KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MENDAPAT CUKAI PENDAPATAN DAN CUKAI-CUKAI LAIN. JADI, PENDAPAT KERAJAAN NEGERI IALAH MEREKA SEHARUSNYA MENGEKSPORT BALAK SUPAYA MEREKA MENDAPAT WANG. PENDAPAT KERAJAAN PERSEKUTUAN PULA IALAH KITA SEPATUTNYA MENGEKSPORT PERABOT DAN SEBAGAINYA KERANA KITA AKAN MENDAPAT WANG. JADI TIMBULLAH KONFLIK INI, YANG PERLU DISELESAIKAN TERLEBIH DAHULU. YANG KEDUA, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI AGAK BERSEEDIA, SABAH DAN SARAWAK AGAK BERSEEDIA UNTUK MEMPUNYAI LEBIH BANYAK INDUSTRI BERASASKAN KAYU. TETAPI INI TIDAK BOLEH DILAKUKAN DENGAN SERTA-MERTA. EKSPORT BALAK ITU TIDAK BOLEH DIHARAMKAN HARI INI, KERANA AKIBAHNYA BERIBU-RIBU ORANG AKAN KEHILANGAN PEKERJAAN...WALAU PUN KITA BOLEH MELUPAKAN TENTANG MEREKA YANG KAYA YANG MEMILIKI LESEN PEMBALAKAN... MELAINKAN, ADA INDUSTRI PERKAYUAN YANG BOLEH MENERIMA MEREKA. JADI KITA SEDANG MELAKUKAN PERKARA INI DENGAN TELITI. KITA SEDANG CUBA MENDAPAT PERSETUJUAN NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA MENEMPATKAN SEMULA INDUSTRI PERKAYUAN MEREKA KE MALAYSIA. DENGAN CARA ITU KITA AKAN MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG SAMA BANYAKNYA DARIPADA PEMBALAKAN YANG BERKURANGAN TANPA KEHILANGAN PELUANG PEKERJAAN. SEBAGAIMANA YANG ANDA TAHU, NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENYATAKAN BAHAWA KITA TIDAK SEHARUSNYA MENEBAH POKOK-POKOK, TIDAK PULA MAHU MENGIMPORT SELAIN DARIPADA BALAK. MEREKA TIDAK MAHU MENGIMPORT HASIL KELUARAN KITA YANG SUDAH SIAP. DI SINILAH MUNCULNYA SIKAP HIPOKRIT. DI SATU PIHAK MEREKA KATA, JANGAN TEBANG POKOK-POKOK ANDA SEDANGKAN DI SATU PIHAK LAGI, MEREKA TIDAK MEMBENARKAN KITA MENDAPAT WANG MELALUI BARANGAN NILAI DITAMBAH.

S: DATUK SERI KATA NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK MAHU MENGIMPORT BARANGAN SIAP...BANYAK KRITIKAN TERHADAP JEPUN KERANA MENGGUNAKAN BALAK TERUTAMANYA UNTUK MEMBUAT ACUAN ATAU BARANGAN LAIN YANG BUKANNYA MERUPAKAN KEGUNAAN KAYU ATAU KELUARAN KAYU SECARA BENAR-BENAR BERFAEDAH. ADAKAH DATUK SERI FIKIR INI MERUPAKAN SALAH SATU SEBAB KENAPA NEGARA MAJU TIDAK MAHU MENGIMPORT BARANGAN SIAP?

DR M: SAYA TIDAK FIKIR BEGITU. TIDAK BENAR-BENAR TEPAT UNTUK DIKATAKAN DEMIKIAN. MEMANGLAH JEPUN MUNGKIN MENGGUNAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KAYU ITU UNTUK TUJUAN ACUAN, ITULAH SEBABNYA MEREKA MENGGUNAKAN PAPAN LAPIS YANG DILAPISI LOGAM, MISALNYA, TETAPI ITU ADALAH BARANGAN YANG MEMPUNYAI NILAI DITAMBAH YANG RENDAH. APA YANG BERLAKU DI JEPUN IALAH MEREKA SANGAT BIMBANGKAN KEBAKARAN KERANA JARAK RUMAH MEREKA SANGAT BERDEKATAN, MEREKA KINI MENGHARAMKAN PENGGUNAAN KAYU UNTUK MEMBUAT BINGKAI PINTU DAN TINGKAP. INI MENGURANGKAN PENGGUNAAN KAYU. MEREKA MENGGUNAKAN KAYU UNTUK BARANGAN YANG SANGAT BERHARGA SEPERTI PERABOT DAN BARANGAN LAIN YANG MEMPUNYAI NILAI DITAMBAH YANG SANGAT TINGGI. TETAPI MEREKA NEGARA BESAR, MEREKA MENGELUARKAN BANYAK BARANGAN KAYU UNTUK EKSPORT, JADI SOALNYA BUKANLAH SEMATA-MATA PENGGUNAAN DI JEPUN, IA JUGA MERUPAKAN SOAL EKSPORT. -- LAGI.

## PM WAWANCARA 10 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI MENYEBUT TENTANG KONFLIK ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PENDAPATAN DARIPADA EKSPORT BALAK BERBANDING DENGAN EKSPORT BARANGAN YANG SUDAH SIAP... APAKAH ADA FORMULA YANG SEDANG DIRANGKA UNTUK MENYEDIAKAN INSENTIF KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SUPAYA MEREKA JUGA BERMINAT MENCEBURI INDUSTRI YANG MENGHASILKAN NILAI DITAMBAH?

DR M: KITA SEDANG MENGUSAHAKANNYA... SUKAR UNTUK MENYAINGI JUMLAH YANG BOLEH MEREKA PEROLEHI DARIPADA EKSPORT BALAK BERBANDING DENGAN JUMLAH WANG YANG KERAJAAN PERSEKUTUAN BOLEH PERUNTUKKAN KEPADA MEREKA MENERUSI PENDAPATAN DARIPADA INDUSTRI BERASASKAN KAYU.

S: MENGENAI PENGANGGURAN... KERAJAAN MEMPERUNTUKKAN \$17 JUTA TAHUN DEPAN UNTUK SKIM KHIDMAT SEMENTARA BAGI SISWAZAH MENGANGGUR. JIKA KITA LETAKKAN SEMUA SISWAZAH MENGANGGUR INI DI SEKTOR KERAJAAN, SAYA TIDAK FIKIR KITA BENAR-BENAR BOLEH BANTU MEREKA. MENGAPA KITA TIDAK DAPATKAN SEKTOR SWASTA YANG BOLEH MEMBANTU MEREKA?

DR M: KITA SEDANG BUAT BEGITU. KITA TELAH MENGAMBIL ORANG UNTUK BERKHIDMAT DENGAN SHELL, MISALNYA, DI PELANTAR MINYAK MEREKA. TETAPI KITA BERSEDIA MEMPERTIMBANGKAN UNTUK MELETAKKAN MEREKA DI SEKTOR SWASTA. TETAPI ANTARA YANG MENGECEWAKAN KAMI IALAH, SESETENGAH ORANG INI MENGANGGAP MEREKA DI SANA HANYA SEKADAR UNTUK MEMBUANG MASA, BUKAN UNTUK BELAJAR APA-APA, HANYA UNTUK BUANG MASA. MEREKA TIDAK AKAN DAPAT BELAJAR, MEREKA TIDAK AKAN DAPAT BUAT APA-APA, MEREKA HANYA TUNGGU DAPAT KERJA. DAN SAYA FIKIR \$400 (YANG DIBAYAR SETIAP BULAN KEPADA SETIAP SISWAZAH DI BAWAH SKIM ITU) ADALAH SATU JUMLAH YANG BESAR JIKA KITA AMBIL KIRA BAHAWA PURATA PEKERJA MENDAPAT JAUH KURANG DARIPADA ITU, JADI KERAJAAN SEBENARNYA BANYAK BERBUAT.

S: MUNGKIN KITA PERLU BUANG PEMIKIRAN YANG HANYA MENGHADKAN LANGKAH MENGAMBIL SISWAZAH MENGANGGUR. MANAKALA KITA BERCAKAP MENGENAI SISWAZAH MENGANGGUR, SAYA FIKIR ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK BERCAKAP MENGENAI LEPASAN STPM YANG MENGANGGUR= PENGANGGURAN ADALAH PENGANGGURAN, CUMA KEBETULAN MEREKA ITU SISWAZAH...

DR M: TERUS-TERANG SAYA KATAKAN, ORANG INI MEMPUNYAI BANYAK KEMAMPUAN UNTUK BUAT BANYAK KEROSAKAN SEKIRANYA MEREKA TIDAK DIBERI PERHATIAN... DAN SEKADAR ITU DAPAT SAYA KATAKAN.

S: TETAPI ADA DISEBUTKAN BAHAWA MASALAHNYA BUKANLAH SEMATA-MATA KERANA SOAL SISWAZAH MENGANGGUR TETAPI SOAL SISWAZAH YANG TIDAK MAMPU BEKERJA... DARIPADA SEGI MENGHADAPI TEMUDUGA TERUTAMA BUMIPUTERA YANG TIDAK BOLEH BERBAHASA INGGERIS, DAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BEKERJA DALAM SUASANA KOMERSIL MEREKA PERLU TAHU BAHASA INGGERIS. TETAPI MASALAHNYA, KEMAMPUAN BAHASA INGGERIS MEREKA AMAT LEMAH DAN APABILA MEREKA PERGI MENGHADIRI TEMUDUGA, SUDAH PASTI MEREKA TIDAK AKAN TERPILIH.

DR M: ITU PILIHAN MEREKA. MEREKA TIDAK BOLEH SALAHKAN SESIAPA. KITA TELAH BERI MEREKA PELUANG UNTUK BELAJAR BAHASA INGGERIS BAGI MENDAPATKAN KEMAHIRAN YANG BERGUNA KEPADA MEREKA TETAPI MEREKA FIKIR PERKARA ITU TIDAK BERFAEDAH, JADI MEREKA TIDAK BOLEH SALAHKAN SESIAPA PUN ATAS SOAL ITU.

S: TETAPI MEREKA YANG TIDAK BOLEH BERBAHASA INGGERIS INI BEGITU BAIK DALAM AGAMA ISLAM...

DR M: KITA BOLEH BERUSAHA MENJADI PALING BAIK DALAM AGAMA TETAPI DALAM MASA YANG SAMA BOLEH JUGA BERCAKAP INGGERIS. INILAH AKIBAT DARIPADA ORANG YANG BERKEPENTINGAN POLITIK, YANG DATANG MENGAJAR MEREKA MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG SALAH TENTANG ISLAM. KITA MEMANG PERLU BELAJAR AGAMA, SAYA TAK KATA TAK PERLU. SAYA KE ARAB SAUDI BARU-BARU INI DAN APA YANG ORANG ARAB PERKATAKAN MENGENAI INDUSTRI PETROLEUM MEREKA IALAH, INI PEMBERIAN TUHAN KEPADA KITA DAN KITA HARUS GUNAKAN. JIKA ANDA TIDAK MEMPUNYAI KEMAHIRAN, AWAK MENGKUFURI APA YANG TUHAN BERI. INILAH KATA ORANG ARAB. MEREKA YANG TIDAK MENGGALAKKAN ORANG BELAJAR KEMAHIRAN BUKAN ORANG ARAB TETAPI MEREKA YANG MEMAKAI JUBAH. MEREKALAH YANG MENYURUH ANAK-ANAK PEREMPUAN SUPAYA JANGAN BELAJAR DALAM BIDANG PERUBATAN TETAPI SEBALIKNYA MENGAWINI MEREKA. DAN KITA TIDAK BERSEEDIA MENGATAKAN APA-APA YANG TIDAK BAIK MENGENAI MEREKA KERANA MEREKA MEMAKAI JUBAH. ORANG INILAH YANG MEMPENGARUHI SISWAZAH MENANGGUR. MEREKA PERGI KE LUAR NEGERI DAN BERITAHU PELAJAR-PELAJAR ITU... JANGAN BUAT BEGINI, JANGAN BELAJAR INI. -- LAGI.

1344MST 28 12 89

DD65

R B117 DEB EHC

PM WAWANCARA 11 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI MENJADI PM DALAM TAHUN 1981 KETIKA NEGARA BERADA DI AMBANG KEMEROSOTAN DENGAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA. SEBENARNYA, KITA TELAH MENGALAMI PERTUMBUHAN NEGATIF. TETAPI SEJAK 1985, KITA SUDAH MULA PULIH DAN MULA MENGALAMI PERTUMBUHAN YANG PESAT. APAKAH YANG MENYEBABKAN PEMULIHAN DAN ADAKAH DATUK SERI BERPUAS HATI DENGAN PENGURUSAN EKONOMI KITA SEKARANG?

DR M: EKONOMI SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA BANYAK FAKTOR... SEDIKIT FAKTOR LUARAN, SEDIKIT DALAMAN, SEDIKIT DIUSAHAKAN, SEDIKIT SECARA KEBETULAN. JADI, KITA TIDAK BOLEH BERKATA HANYA TERDAPAT SATU SEBAB MENYEBABKAN PEMULIHAN... ADA BERMACAM-MACAM FAKTOR. SATU FAKTA TIDAK BOLEH DINAFIKAN IALAH FAKTOR LUARAN. JIKA DUNIA MELESET, KITA JUGA AKAN MENGALAMI KEMELESETAN. TETAPI BAGAIMANA KITA HENDAK MENGAWASI KEMELESETAN? KITA MESTI FAHAM APA YANG DUNIA KEHENDAKI. JIKA ADA KEMELESETAN KITA MESTI MENGENDALIKANNYA. SEBAB ITU SAYA SERING KALI MENYARANKAN SUPAYA MEMANDANG KE TIMUR, KHUSUSNYA KE JEPUN. JEPUN TELAH MELALUI BEBERAPA KEJUTAN, KEJUTAN MINYAK, KEJUTAN MATA WANG DAN SETIAP KALI MEREKA MELALUINYA, MEREKA JADI LEBIH KUAT. JEPUN KINI BERKEMBANG DENGAN PESAT WALAUPUN PADA HAKIKATNYA YEN DUA KALI GANDA LEBIH TINGGI DARIPADA SEBELUM INI, JEPUN MASIH LAGI MENGEKSPORT DENGAN BANYAK BARANGAN. IA SOAL PENGURUSAN. JIKA HARGA TINGGI, KITA PERLU MENGAWASINYA DAN TIDAK HANYA MENYERU ORANG RAMAI UNTUK MEMBELI BARANGAN BERHARGA TINGGI. KITA HARUS MENJADI LEBIH CEKAP. KECEKAPAN BOLEH DIPERBAIKI PADA SETIAP MASA, KITA TIDAK BOLEH

JADI TERLALU CEKAP, BAGAIMANA BAGUS SEKALIPUN KITA BUAT SESUATU, MESTI ADA SATU CARA YANG LEBIH BAIK UNTUK MEMBUATNYA. JADI, JIKA KITA TERIMA ITU DAN KITA BERSEDIA UNTUK MENGAJI SEMULA APA YANG KITA LAKUKAN, SAYA YAKIN KITA MEMPUNYAI PELBAGAI CARA UNTUK MENGATASINYA. KITA TELAH MELIHAT DASAR-DASAR KERAJAAN, CARA-CARA KERAJAAN BERFUNGSI, JENTERA MEMBUAT KEPUTUSAN, KITA LIHAT BANYAK PERKARA. PADA MASA YANG SAMA, KITA HARUS MENGAKUI TENTANG KESILAPAN KITA, KITA HARUS MENERIMA HAKIKAT KADANG-KALA KITA TIDAK TAHU MEMBUAT SESUATU DENGAN BAIK. KITA PERLU PERTOLONGAN ORANG LAIN. JIKA KITA MALU UNTUK BERTANYA, SAYA PERCAYA KITA AKAN JADI KUCAR-KACIR. SEBAB ITU KITA LAMBAT-LAUN MENCAPI PEMULIHAN, SEDIKIT SEBANYAK, KERANA DUNIA JUGA TELAH PULIH. TETAPI, MUNGKIN KITA DAPAT LIHAT HAKIKATNYA BAHAWA DUNIA SUDAH PULIH, DARIPADA SEGI EKONOMI TIDAK BERMAKNA SETIAP NEGARA TURUT PULIH, NEGARA-NEGARA AMERIKA LATIN BELUM LAGI PULIH, NEGARA-NEGARA AFRIKA JUGA TIDAK, HANYA NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA TELAH PULIH. DAN, PERSOALANNYA BAGAIMANA KITA MENGURUSKANNYA UNTUK MENGHADAPI SUASANA MURAM DAN PEMULIHAN EKONOMI DUNIA. KITA TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA PEMULIHAN. JIKA KITA TIDAK CEKAP, SUDAH TENTU KITA MENDAPAT KESUSAHAN.

S: DATUK SERI, BERBALIK KEPADA SOAL AWAL TENTANG MASALAH JATUH-BANGUN, SEKARANG INI SEDANG BANGUN SEMULA. SEORANG DARIPADA KAMI DI SINI BERKATA DATUK SERI SEMAKIN POPULAR SEKARANG. SAYA INGIN BERTANYA SATU SOALAN, SEJAK MELAKUKAN PEMBEDAHAN KORONARI, DATUK SERI MENJADI LEBIH RAMAH, DALAM HUBUNGAN INI, DULU DATUK SERI TIDAK BERAPA RAMAH TETAPI SEKARANG, YA?

DR. M: (GELAK). SAYA MENDAPAT TAHU SAYA DIKATAKAN SEORANG YANG TIDAK RAMAH. WALAUPUN SEBELUM MENJALANI PEMBEDAHAN KORONARI, SAYA CUBA MEMBETULKAN ANGGAPAN INI YANG SAYA FIKIR TIDAK WAJAR. SAYA BIASANYA SEORANG YANG PERAMAH. TETAPI SAYA TIDAK MEMILIKI WAJAH ORANG PERAMAH. SAYA TIDAK SELALUNYA SENYUM. ORANG KATA SAYA JARANG TERSENYUM, JADI SEKARANG SAYA KENA BANYAK SENYUM. SAYA KENA CUBA DAN ELAKKAN DARIPADA PERKARA-PERKARA SERIUS. SAYA KENA SIMPAN MASA SAYA UNTUK PERKARA-PERKARA BEGITU. TETAPI, SEBENARNYA PEMBEDAHAN ITU MEMBERI KESAN PSIKOLOGI YANG BESAR TERHADAP SAYA, SEPERTI JUGA KESANNYA KE ATAS ORANG LAIN. JIKA KITA ANGGAPKAN SEMASA PEMBEDAHAN, JANTUNG KITA SEBENARNYA SUDAH BERHENTI, INI BERMAKNA, DARI SEGI TEKNIKNYA KITA TIDAK BERNAFAS SEBELUM KITA PULIH. ITU MERUPAKAN SATU PENGALAMAN YANG TERJADI KEPADA SETIAP ORANG. DARI APA YANG SAYA DAPATI, PARA DOKTOR MEMBERITAHU SAYA, SESIAPA YANG MENJALANI PEMBEDAHAN, TELAH MELALUI SATU PENGALAMAN YANG MENAKUTKAN DAN INI MEMERANJATKANNYA. BIASANYA SELEPAS ITU SESEORANG ITU AKAN MENGALAMI PERUBAHAN. BARANGKALI SAYA SUDAH BERUBAH DISEBABKAN ITU. -- LAGI.  
1352MST 28 12 89

DO66

R B118 DEB EHC

PM WAWANCARA 12 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: SEDIKIT BERKAITAN DENGAN PEMBEDAHAN DATUK SERI, SEBELUM INI BANYAK ORANG MEMBUAT RAMALAN TENTANG MASA DEPAN DATUK SERI, TETAPI BARU-BARU INI PERDANA MENTERI SINGAPURA, LEE KUAN YEW, MEMBUAT RAMALAN YANG DIANGGAP OLEH BANYAK ORANG SEBAGAI TANDA YANG DATUK SERI AKAN TERUS BERADA DI SINI (MEMEGANG KUASA) UNTUK BANYAK TAHUN LAGI. INGIN DATUK SERI MENGULAS MENGENAI INI?

DR. M: SAYA AKAN BERADA DI SINI SELAGI RAKYAT MAHUKAN SAYA. DAN SEMEMANGLAH INI TERTAKLUK KEPADA KEBOLEHAN SAYA SENDIRI UNTUK BERBAKTI KEPADA RAKYAT. SEBAIK-BAIK SAHAJA SAYA MERASA SAYA TIDAK LAGI DIKEHENDAKI, SAYA BERSEDIA MENGUNDURKAN DIRI. SAYA TIDAK INGIN BERADA DI SINI SEDETIK PUN LEBIH LAMA DARIPADA YANG DIIZINKAN OLEH KEUPAYAAN SAYA UNTUK BERBAKTI.

S: SAYA INGIN BERTANYA TENTANG PENGGANTI DATUK SERI... JARAK UMUR YANG RAPAT ANTARA DATUK SERI DAN ENCIK GHAFAR BABA, BANYAK ORANG TERTANYA-TANYA SIAPA SELEPAS DATUK SERI?

DR. M: SELEPAS SAYA SEMEMANGNYALAH ENCIK GHAFAR. JIKA ENCIK GHAFAR PERLU MEMPUNYAI PENGGANTI, ITU TERSERAHLAH SEPENUHNYA KEPADA ENCIK GHAFAR TETAPI SETAKAT YANG MENGENAI SAYA, SAYA MENYERAHKAN KEPADA UMNO UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN. SEBAGAIMANA YANG ANDA TAHU APABILA SAYA MULA MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI SAYA TIDAK MELANTIK TIMBALAN SAYA. SAYA TUNGGU HINGGA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DIADAKAN UNTUK MEMILIH TIMBALAN PRESIDEN UMNO. DAN TIMBALAN PRESIDEN ITU MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI. SAYA INGIN TERUSKAN BEGITU. SAYA TIDAK MAHU MEMAKSAKAN KEHENDAK SAYA KE ATAS PARTI DAN NEGARA.

S: DATUK SERI, KETIKA TEMPOH DATUK SERI SEBAGAI PERDANA MENTERI, MALAH DATUK SERI SEBAGAI PM BAGI KESELURUHAN DEKAD 80-AN, PELBAGAI PERKARA BERLAKU. SKANDAL BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF), KRISIS PERLEMBAGAAN, KRISIS KEHAKIMAN DAN PERPECAHAN DALAM UMNO. TERBIT DARIPADA SEMUA MASALAH INI, MALAH MASALAH PEMBATALAN PENDAFTARAN UMNO MASIH WUJUD, DARIPADA SEGI UMNO DAN SEMANGAT 46, APAKAH MASALAH PALING MENCABAR YANG DATUK SERI HADAPI DALAM TAHUN-TAHUN 80-AN, DAN BAGAIMANA PANDANGAN DATUK SERI SEKARANG TERHADAPNYA?

DR. M: ... JIKA ANDA MEMINTA SAYA MENILAI, MAKA PERCUBAAN UNTUK MENUKAR KEPIMPINAN PADA 1987 MERUPAKAN YANG PALING MEROSAKKAN. DAN SAYA TELAH MENYATAKAN HAL INI SEBELUM PERTANDINGAN ITU LAGI. KERANA IA MENYIMPANG DARIPADA TRADISI UMNO. SAYA SENTIASA PERCAYA BAHAWA KITA PERLU MENGEKALKAN TRADISI, BAHAWA KITA TIDAK BOLEH MENCABAR PADA PERINGKAT TERTINGGI, KERANA KALAU KITA CABAR, PARTI PASTI BERPECAH. AKIBAT DARIPADA CABARAN ITU, PENYOKONG-PENYOKONG CALON YANG TEWAS TIDAK BERBAIK-BAIK LAGI DENGAN PENYOKONG CALON YANG MENANG. SEKIRANYA SAYA TEWAS PADA PEMILIHAN ITU, SAYA YAKIN PARTI MENGHADAPI MASALAH YANG SERUPA JUGA, KECUALI, SAYA TIDAK FIKIR MEREKA AKAN MENYERET PARTI KE MAHKAMAH, TETAPI TIDAK AKAN ADA PERPADUAN DALAM PARTI LAGI. JADI ITULAH PERKARA YANG PALING MEROSAKKAN... PENYIMPANGAN DARIPADA AMALAN PARTI. SAMBIL ANDA BERCAKAP TENTANG DEMOKRASI, TETAPI DEMOKRASI HENDAKLAH DIAMALKAN JUGA MENURUT TRADISI DEMOKRASI. DEMOKRASI TULEN TIDAK DAPAT BERJAYA. SEMATA-MATA KERANA ANDA BOLEH BERTANDING, ANDA PUN BERTANDING. BUKAN BEGITU CARANYA. MENGAPA HARUS ADA CUMA SATU CALON PENENTANG SAHAJA. KATAKANLAH ADA 100 ATAU 200 CALON DAN KATAKANLAH SETIAP ORANG DARIPADA 100 ATAU 200 CALON ITU MEMPUYAI PENYOKONG MASING-MASING, PARTI AKAN BERPECAH KEPADA 100 KUMPULAN KECIL. INI MERUPAKAN AMALAN DEMOKRASI TETAPI ADAKAH IA AKAN MEMBAWA HASIL YANG BAIK? JADI ANDA MEMPUYAI SISTEM DUA PARTI YANG JUGA SAMA DEMOKRATIKNYA DENGAN SISTEM BERBILANG PARTI. MALAH DALAM SISTEM SATU PARTI PUN, DEMOKRASI DI DALAM PARTI MASIH JUGA DEMOKRATIK. NAMPAKNYA DEMOKRASI KADANG-KADANG DITAKRIFKAN ORANG SEBAGAI SEMATA-MATA MEMATUHI PRINSIP DEMOKRASI TANPA MENGAMBIL KIRA LANGSUNG KEPADA TRADISI. SEBENARNYA TRADISI PENTING. -- LAGI.  
1359MST 28 12 89

0067

R B119 DEB EHC

PM WAWANCARA 13 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

ITULAH SEBABNYA SAYA SENTIASA KATAKAN BAHAWA TIDAK PERLU DIADAKAN PERTANDINGAN. KITA TAHU SELEPAS DATUK MUSA (HITAM) MENANG PADA TAHUN 1981, PADA TAHUN 1984 SAYA MENGATAKAN SECARA TERBUKA BAHAWA TIDAK PERLU DIADAKAN PERTANDINGAN MENENTANG DATUK MUSA KERANA IA AKAN HANYA MENYEBABKAN PERPECAHAN. KERANA SUDAH MENJADI TRADISI UMNO BAHAWA KITA MEMILIH SESEORANG DI TAHAP KEDUA, DAN SELEPAS MEMILIHNYA, KITA TIDAK MENYOALNYA LAGI. APABILA DIA MENGAMBIL ALIH, DIA AKAN MENDAPAT SOKONGAN BULAT, BUKAN SOKONGAN YANG BERPECAH-PECAH. DIA DI SANA... TEMPAT NAK RUJUK. JADI KALAU AWAK TANYA SAYA BILAKAH SAAT YANG PALING KRITIKAL... JAWABNYA IALAH APABILA BERLAKU TINDAKAN MENCABAR, YANG BAGI SAYA AMAT TIDAK WAJAR. IA TELAH MENIMBULKAN BANYAK MASALAH. TETAPI SAYA TETAP KATAKAN IA SATU MASALAH, TETAPI KITA TELAH DAPAT MENGATASINYA. MASALAH SEMANGAT 46, JIKA BOLEH SAYA KATAKAN BEGITU, BUKAN KERANA (SEMANGAT) 46 AKAN MENANG, TETAPI IA MEMPUYAI KEMAMPUAN UNTUK MEMBUATKAN PEMBANGKANG MENANG, MAKSUD SAYA PAS DAN DAP BOLEH MENANG. MAJORITI RAKYAT AKAN MENYOKONG UMNO. TETAPI SEBILANGAN KECIL UNDI MILIK (SEMANGAT) 46 BOLEH MENJADI FAKTOR PENENTU SEPERTI YANG BERLAKU DI (PILIHAN RAYA KECIL) TELUK PASU... DI MANA MEREKA ADA KIRA-KIRA 300 ANGGOTA SAJA BERBANDING DENGAN RIBUAN ANGGOTA UMNO. TETAPI 300 ANGGOTA ITU BOLEH MENJADI FAKTOR PENENTU UNTUK MEMBOLEHKAN PAS MENANG DENGAN 140 UNDI. INILAH CORAK YANG AKAN BERLAKU. MEREKA TIDAK AKAN MENANG PILIHAN RAYA, (SEMANGAT) 46 TIDAK AKAN MENANG PILIHAN RAYA. MEREKA AKAN MEMBUATKAN PAS MENANG PILIHAN RAYA. DAN SUDAH TENTU KALAU MEREKA BEKERJASAMA DENGAN DAP, MAKA DAP AKAN MENANG PILIHAN RAYA ITU.

S: PADA PENDAPAT DATUK SERI, SEJAUH MANA TERUKNYA KEADAAN ITU?

DR. M: TIDAK TERUK... SAYA TAK FIKIR TERUK. SAYA FIKIR KITA BOLEH PERTAHANKAN KERUSI KITA DI BANYAK NEGERI. TETAPI AKAN ADA BEBERAPA KERUSI DI MANA KITA AKAN KALAH.

S: TETAPI BARISAN NASIONAL BOLEH MENGEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA?

DR. M: SAYA RASA BEGITU.

S: TETAPI HASIL DARIPADA PERTEMUAN DATUK SERI DENGAN TENGGU RAZALEIGH (PRESIDEN SEMANGAT 46) TIDAK MENUNJUKKAN TANDA-TANDA JURANG ANTARA SEMANGAT 46 DAN UMNO KIAN MENDEKAT, KERANA PERMINTAAN YANG DIAJUKAN MASIH LEBIH KURANG SERUPA, YANG DATUK SERI TIDAK BERSEDIA UNTUK PERKENANKAN. BEGITUKAH KEADAANNYA?

DR. M: DIALOG MEMANG BERGUNA, ITU SAJA YANG BOLEH SAYA KATAKAN.

S: TETAPI RAKYAT MENGHARAPKAN LEBIH DARIPADA SEKADAR DIALOG. RAMAI ORANG YANG PERCAYA... MESTI ADA SATU-SATU HASIL.

DR. M: SAYA TIDAK TAHU APA YANG MEMBUAT RAKYAT BERFIKIR BEGITU. APAKAH MEREKA BENAR-BENAR MENGHARAPKAN UMNO BUBAR BERSAMA-SAMA 1.3 JUTA ORANG PENYOKONG KUAT. JANGAN CAKAP FASAL SAYA. SAYA JUGA TERIKAT DENGAN MEREKA... JIKA SAYA IKUT CARA SAYA, MEREKA TIDAK AKAN IKUT SAYA.

S: MEREKA TIDAK MAHU UMNO DIBUBARKAN. JIKA MEREKA TIDAK MAHU UMNO DIBUBARKAN, BAGAIMANA KITA BOLEH TEMPATKAN SEMANGAT 46?

DR. M: ITU SEHARUSNYA JELAS BAGI SETIAP ORANG. JADI MENGAPA MEREKA MENANAM HARAPAN YANG BEGITU BESAR.

S: SEBENARNYA, HARAPAN ITU DITUJUKAN PADA (SEMANGAT) 46... SUPAYA (SEMANGAT) 46 MEMBUBARKAN DIRINYA DAN MENYERTAI UMNO. ITULAH HARAPAN UMUM. OLEH KERANA MEREKA KATA MEREKA TIDAK AKAN BUAT DEMIKIAN... DATUK SERI MASIH BERMINAT JUGA UNTUK MENGADAKAN DIALOG DENGAN MEREKA?

DR. M: JIKA ADA HARAPAN UNTUK MENGADAKAN DIALOG, KITA AKAN ADAKAN DIALOG. -- LAGI.

1406MST 28 12 89

R B120 DEB EHC

PM WAWANCARA 14 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, BEBERAPA HARI LAGI KITA AKAN MELANGKAH KE DEKAD 1990-AN. DATUK SERI TELAH MENGATAKAN SEBELUM INI BAHAWA KITA BOLEH MENGHADAPI TAHUN 1990-AN DENGAN PENUH KEYAKINAN. APAKAH PESANAN DATUK SERI KEPADA RAKYAT?

DR M: KITA BOLEH MENCAPAI PERTUMBUHAN YANG AMAT PESAT SEKALI, KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK DI NEGARA INI SELAGI KITA SEDIA UNTUK BERUSAHA UNTUKNYA. UNTUK HANYA MENGHARAPKAN DASAR-DASAR KERAJAAN DAN UNDANG-UNDANG BAGI MENCAPAI PERTUMBUHAN PADA PANDANGAN SAYA IALAH SEMATA-MATA MERUPAKAN SATU HARAPAN. SETIAP ORANG HARUS BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH. MISALANNYA NEGARA AKAN MENYAMBUT TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990. NEGARA BOLEH MEMBELANJAKAN BANYAK WANG UNTUK MENGADAKAN PROMOSI... KITA TELAH MEMPERUNTUKKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK TUJUAN ITU. KITA BINA SEMUA INFRASTRUKTUR DAN PUSAT-PUSAT PENERANGAN...BERMACAM-MACAM LAGI. KITA TELAH MENGGALAKKAN ORANG RAMAI MEMBINA HOTEL TETAPI TANPA PERKHIDMATAN YANG MENARIK DENGAN GANGGUAN MELALUI, MUNGKIN TINDAKAN MOGOK ATAU ANCAMAN MOGOK, TAHUN MELAWAT MALAYSIA TIDAK AKAN BERJAYA. JIKA INI BERLAKU SIAPAKAH YANG AKAN RUGI? BUKAN KERAJAAN, RAKYATLAH YANG SEBENARNYA YANG AKAN MENANGGUNG KERUGIAN. MEREKA YANG BERKHIDMAT DALAM INDUSTRI PERKHIDMATAN AKAN TERPAKSA MENANGGUNG KERUGIAN. RAMAI RAKYAT YANG AKAN MENGANGGUR, PARA PENIAGA DAN PENJAJA TIDAK AKAN MEMPEROLEHI PARA PELANGGAN YANG LAZIMNYA BERKUNJUNG KE KEDAI MEREKA. RAKYAT KESELURUHANNYA TIDAK AKAN MEMPUNYAI WANG SEMATA-MATA KERANA KERAJAN TIDAK MAMPU MENGUTIP CUKAI DAN MEMBELANJAKAN WANG ITU UNTUK PEMBANGUNAN ATAU MENGADAKAN KEMUDAHAN AWAM. JADI BANYAK PERKARA BERGANTUNG KEPADA ORANG RAMAI. SETAKAT INI TUMPUAN HANYA KEPADA KERAJAAN. APAKAH YANG HARUS DILAKUKAN OLEH KERAJAAN, KITA DIBERITAHU IALAH KITA HARUS MEMPUNYAI UDANG-UNDANG YANG DIPERLUKAN, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN, DASAR-DASAR, DAN SEMUA ITU TETAPI IA SEMUA TIDAK AAN MENDATANGKAN SEBARANG HASIL SELAGI KITA SEMUA TIDAK BERUSAHA MELAKUKAN APA YANG TERMAMPU BAGI DIRI SENDIRI.

S: SATU LAGI OBJEKTIF PENTADBIRAN DATUK SERI IALAH MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIH. ADAKAH DATUK SERI MASIH KOMITED MEMERANGI RASUAH, PENYALAHGUNAAN KUASA WALAUPUN ADA ORANG YANG MENGATAKAN BAHAWA DATUK SERI TELAH MULA BERLEMBUT BERSABIT PERKARA ITU?

DR M: SAYA BUKAN SUDAH BERLEMBUT BERSABIT PERKARA ITU. ORANG RAMAI MEMPUNYAI SIKAP YANG BERUBAH-UBAH MENURUT SELERA MASING-MASING. PADA SATU KETIKA MEREKA MENGATAKAN KITA HARUS MEMERANGI RASUAH TETAPI BILA IA MEMBABITKAN DIRI MEREKA SENDIRI ATAU MEMBABITKAN SESEORANG YANG RAPAT DENGAN MEREKA ATAU KUMPULAN MEREKA, MEREKA SEKONYONG-KONYONG BERPENDAPAT BAHAWA KITA TIDAK HARUS BERTINDAK TERLALU KERAS DENGAN ORANG INI. MEREKA MAHU MENGATAKAN... BERTINDAK TERHADAP PERBUATAN RASUAH ASALKAN IA MEMBABITKAN ORANG LAIN. BAGAIMANAPUN ORANG LAIN ITU JUGA TURUT MEMIKIRKAN TINDAKAN HENDAKLAH DIAMBIL TERHADAP ORANG LAIN. JADI JIKA RAKYAT MAHU KITA BERTINDAK TERHADAP RASUAH JADI MEREKA HARUS MENYOKONG KERAJAAN SERATUS PERATUS SETIAP KALI KITA BERTINDAK TERHADAP RASUAH DAN TIDAK BERSIMPATI TERHADAP MEREKA YANG RASUAH. KITA TELAH BERTINDAK TERHADAP MEREKA YANG TERBABIT DENGAN PERBUATAN RASUAH DAN HASILNYA IALAH MEREKA MENGATAKAN IA MERUPAKAN TEKANAN POLITIK. KAMI TAHUN BEBERAPA ORANG MEMPUNYAI WANG YANG BERLEBIHAN DARIPADA YANG SEPATUTNYA. BAGAIMANAPUN MEREKA TELAH MENGATAKAN BAHAWA JIKA KITA BERTINDAK TERHADAP MEREKA IA SUDAH TENTU KERANA TEKANAN POLITIK. KAMI TAHU BAHAWA RAMAI DARIPADA KALANGAN MEREKA MEMPUNYAI BANYAK WANG, KAMI TIDAK TAHU BAGAIMANA MEREKA MEMPEROLEHI WANG BERKENAAN, KITA AKAN TERPAKSA BERTINDAK TERHADAP MEREKA TETAPI KITA BERHARAP APABILA KITA BERTINDAK DEMIKIAN ORANG RAMAI AKAN MENYOKONG KERAJAAN DAN JANGAN SEKALI-KALI MENYEBUT AAH... INI TEKANAN POLITIK. DAN KITA MEMBENARKAN AGAR TINDAKAN DIAMBIL TERHADAP ORANG KITA.

S: BERSABIT PERKARA INI BANYAK PERSOALAN TELAH DIBANGKITKAN MENGENAI SAMA ADA BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) BENAR-BENAR BEBAS MELAWAN RASUAH.

DR M: SAYA TIDAK BERKUASA KE ATAS BPR WALAUPUN KADANGKALA SAYA LEBIH SUKA SEKIRANYA IA MENGELAK DARIPADA MEMBUAT KENYATAAN UMUM.

S: MISALANNYA TERDAPAT KHABAR-KHABAR ANGIN YANG MENGATAKAN BAHAWA SABAH MERUPAKAN TEMPAT PALING BAIK BAGI BPR TETAPI PADA MASA INI TIDAK TERDAPAT SESUATU YANG KEJAYAAN BESAR BERSABIT PENYIASATAN. TELAH DIPERKATAKAN BAHAWA JIKA HANYA LIMA PERATUS DARIPADA TUDUHAN TERHADAP TOKOH-TOKOH POLITIK SABAH DISIASAT IA AKAN MERUPAKAN SATU KEJAYAAN BESAR BAGI SABAH.

DR M: YA KITA TIDAK MAHU CAMPURTANGAN BERSABIT DENGAN BPR TETAPI SAYA HARAP MEREKA AKAN MEMPEROLEHI MAKLUMAT YANG MENCUKUPI UNTUK MENDAKWA MEREKA DI MAHKAMAH. SATU DARIPADA MASALAH ITU IALAH UNTUK MENDAPAT BUKTI YANG LENGKAP. DALAM BEBERAPA KES YANG MEMBABITKAN PEGAWAI KERAJAAN KADANG KALA KITA MENDAPATINYA AMAT PERLU MEMINTA MEREKA MELETAKKAN JAWATAN DAN SEBAGAIMANA YANG ANDA TAHU RAMAI PEGAWAI KERAJAAN TELAH DIMINTA AGAR MELETAKKAN JAWATAN. KES TERBARU ANDA TELAH MEMBACANYA. INI KERANA JIKA KITA KE MAHKAMAH MAKA MAHKAMAH MAHUKAN BUKTI PALING NYATA DAN ADALAH SUKAR UNTUK MENDAPATKAN BUKTI-BUKTI YANG NYATA. MAHKAMAH TIDAK AKAN BERKATA BAHAWA KITA AKAN MENGANGGAP BAHAWA PERBUATAN RASUAH TELAH BERLAKU KERANA ORANG INI MEMILIKI WANG YANG LEBIH BANYAK DARIPADA APA YANG PATUT DIMILIKINYA.

DIA BOLEH MENGATAKAN BAHAWA DIA MEMILIKINYA DARIPADA HARTA ITU HASIL PENINGGALAN ORANG TUANYA DAN BEBERAPA BARANGAN LAIN. ADALAH SUKAR UNTUK MEMBUKTIKANNYA DI MAHKAMAH. JIKA ANDA MEMPUNYAI SEORANG PEGUAM YANG MAHIR ANDA MUNGKIN TERLEPAS. JADI ADALAH LEBIH MUDAH UNTUK MEMINTA MEREKA MELETAKKAN JAWATAN.

S: DALAM ERTI KATA YANG LAIN KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI AKAN MENERUSKAN DASAR MEMERANGI RASUAH.

DR M: SUDAH TENTU...

Q: BAGAIMANAPUN DATUK SERI, UNTUK HANYA MENDAPATKAN MEREKA AGAR MELETAKKAN JAWATAN ADALAH TIDAK Mencukupi untuk membayar balik jenayah yang telah mereka lakukan. Beberapa orang daripada mereka akan dapat melarikan diri dengan berjuta-juta ringgit.

DR M: YA, JIKA TIDAK MEngambil tindakan mahkamah terhadap mereka, mereka akan dibebaskan dan anda akan terpaksa mengambil mereka bekerja. Jadi apakah yang akan tinggal? Saya sedar ramai yang dapat melepaskan diri dengan berjuta-juta ringgit tetapi inilah sistem kerajaan yang ada... Kita tidak boleh membariskan mereka dan kemudian menembak semata-mata setelah orang lain mengatakan dia terbabit dengan rasuah. Kita harus memberinya perbicaraan yang paling adil dan perkara-perkara lain. Inilah masalah yang kami hadapi, dalam sistem demokrasi, inilah caranya kita berfungsi. -- LAGI.

1418MST 28 12 89

D070

R B121 DEB EHC

PM WAWANCARA 15 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: RAMAI ORANG BERASA CHOGM ADALAH SESUATU YANG PALING POSITIF DAN KEMUNCAK DALAM TEMPOH (PENTADBIRAN DATUK SERI) ITU. ADAKAH DATUK SERI BERSETUJU, DAN APAKAH YANG LAINNYA JIKA MEMANG BEGITU?

DR. M: (GELAK) SAYA FIKIR DALAM SUKAN SEA KITA MENCAPAI KEJAYAAN DENGAN BEGITU BAIK, BUKAN SEKADAR MEMENANGI TEMPAT KEDUA TETAPI PENGENDALIANNYA BEGITU BAIK, CHOGM SATU KEJAYAAN KERANA PENGENDALIANNYA JUGA BEGITU BAIK. IA MENGGAMBARAKAN KEMAMPUAN YANG KITA ADA DALAM MENGENDALIKAN SESUATU PERKARA JIKA KITA BENAR-BENAR MENGGUNAKAN TENAGA KITA, JIWA DAN RAGA KITA, DAN SAYA FIKIR CHOGM, SAYA FIKIR SEMUA ORANG MAHU MEMBUKTIKAN BAHAWA KITA BOLEH BUAT SEMUA PERKARA INI. DAN SUDAH TENTU, KITA BERNASIB BAIK KERANA CHOGM INI MENJADI SEJARAH BAGI KOMANWEL. PADA CHOGM INILAH KITA LIHAT KEMBALINYA PAKISTAN DAN PADA CHOGM INILAH KITA DAPAT SEORANG SETIAUSAHA AGUNG BARU MANAKALA SEORANG SETIAUSAHA AGUNG YANG BEGITU DIKENALI SEPERTI SIR SHRIDATH RAMPHAL MENGAKHIRI TEMPOH PERKHIDMATANNYA. CHOGM INI JUGA MEngambil kira soal aparteid, soal alam sekitar... ISU-ISU YANG BEGITU BERTALIAN DENGAN DUNIA. SAYA BERCAKAP DENGAN DATUK RAZALI ISMAIL (WAKIL TETAP KE PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU) SEMALAM. BELIAU BERKATA BAHAWA BUAT KALI PERTAMANYA DI BANGSA-BANGSA BERSATU, ORANG BERCAKAP MENGENAI KOMANWEL, JADI KITA BERNASIB BAIK... MEMANDANGKAN ISU-ISU YANG TERLIBAT KEBETULAN MERUPAKAN ISU-ISU KETIKA INI.

S: BOLEHKAH PERKARA YANG SERUPA KITA LAKUKAN UNTUK TAHUN MELAWAT MALAYSIA?

DR M: YA, MENGAPA TIDAK, SAYA AKAN MELANCARKANNYA PADA 31 HARIBULAN, INI SATU MESEJ KEPADA SEMUA ORANG. KITA BERSATU UNTUK MENDAPAT FAEDAH DAN SETIAP ORANG MESTI MEMAINKAN PERANAN. TAHUN MELAWAT MALAYSIA INI BUKAN UNTUK MENJADIKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA HOTEL KAYA-RAYA... IA JUGA UNTUK PEKERJA-PEKERJA DI HOTEL, SEPERTI HILTON DRIVE-IN DI MANA PEKERJA-PEKERJA PERGI UNTUK MAKAN, ORANG ITU JUGA DAPAT BERKONGSI FAEDAH, ORANG BIASA AKAN DAPAT BERKONGSI FAEDAH KERANA KERAJAAN AKAN MENDAPAT BANYAK PENDAPATAN YANG AKAN DIAGIH-AGIHKAN DALAM BENTUK SUBSIDI MALAH... DI MANA KITA DAPAT WANG UNTUK SUBSIDI ITU? KITA DAPAT DARIPADA KEGIATAN EKONOMI.

S: DATUK SERI, KITA MEMPUNYAI PERISTIWA PENTING, DATUK SERI KATA KITA BERNASIB BAIK, PERISTIWA PENTING YANG KITA TIDAK DAPAT LARI IALAH PILIHAN RAYA UMUM, DATUK SERI MASIH BANYAK MASA LAGI...

DR. M: YA, SEHINGGA AKHIR OKTOBER 1991.

S: TETAPI APAKAH DATUK SERI AKAN TUNGGU HINGGA MASA ITU BERAKHIR?

DR M: SAYA TIDAK TAHU KERANA SAYA BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN TETAPI KALAU KITA MAHU MEMERANJATKAN PEMBANGKANG, KITA MESTI BERSEDIA, KALAU TIDAK KITA SENDIRI YANG AKAN TERPERANJAT. TIBA-TIBA SAYA UMUMKAN AKAN DIADAKAN PILIHAN RAYA UMUM DAN MENDAPATI PARTI SAYA TIDAK BERSEDIA, PADA MASA ITU KELAK KITA AKAN HANCUR. SAYA TERPAKSA MEMPUNYAI KELONGGARAN SEPERTI ITU UNTUK MENGUMUMKAN BILA PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN, DAN UNTUK MENGUMUMKANNYA DALAM TEMPOH YANG SINGKAT SEBELUM PILIHAN RAYA DIADAKAN, SAYA MESTILAH PASTI BAHAWA PADA BILA-BILA MASA SAJA PARTI BERSEDIA. JADI DENGAN KITA MEMBERI ARAHAN KEPADA PARTI SUPAYA BERSEDIA, TIDAK BERMAKNA AKAN DIADAKAN PILIHAN RAYA. -- LAGI.

1424MST 28 12 89

0071

R B122 DEB EHC.

PM WAWANCARA 16 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: ADAKAH DATUK SERI BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI MENTERI-MENTERI KABINET DATUK SERI?

DR M: BANYAK ORANG BERANGGAP BAHAWA OLEH SEBAB SESETENGAH ANGGOTA MENINGGALKAN KABINET, MAKA MEREKA YANG MENGAMBIL TEMPATNYA MERUPAKAN ORANG BARU DAN TIDAK MAMPU MENJALANKAN TUGAS MEREKA. TETAPI LIHATLAH PRESTASI NEGARA INI. SETIAP MENTERI, SAMA ADA SEBAGAI ANGGOTA KABINET ATAU SECARA PERSENDIRIAN, DALAM KEMENTERIANNYA TELAH MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN TERSANGAT BAIK. ANDA BOLEH LIHAT BANYAK IDEA BARU YANG DIKEMUKAKAN OLEH SETIAP ORANG. BANYAK PULA IDEA BARU YANG DILAKSANAKAN. MEREKA TELAH DAPAT MENYEMPURNAKAN TUGAS MEREKA. PADA MASA YANG SAMA MEREKA MEMPUNYAI RASA TANGGUNGJAWAB BERSAMA. SAYA BERPENDAPAT PRESTASI MEREKA ADALAH BAIK MALAH SAYA INGIN MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, ANDA BOLEH MELIHAT MEREKA LEBIH BERGIAT SEKARANG DARIPADA DAHULU. PELBAGAI USAHA DILAKUKAN UNTUK MENGGALAKKAN PELANCONGAN SELAIN DARIPADA PELABURAN. MEREKA JUGA BERMINAT KEPADA KEBERSIHAN DAN MENGAMBIL INISIATIF MASING-MASING UNTUK MEMASTIKAN BANDAR-BANDAR MEREKA KELIHATAN LEBIH MENARIK. MEMANGLAH TIDAK SEMUANYA MENCAPAI KEJAYAAN TINGGI SEPERTI YANG KITA INGINI... TETAPI TERNYATA MINAT ITU ADA. JADI SAYA FIKIR KITA MEMPUNYAI PASUKAN YANG BAIK PADA PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI. KITA MEMPUNYAI PERHUBUNGAN YANG RAPAT. KITA SELALU BERTEMU.

S: INI SATU SOALAN BERCORAK FALSAPAH. DALAM MELAKSANAKAN SESUATU DASAR DAN PEMBAHARUAN DATUK SERI MENGAMBIL PENDEKATAN +BERGERAK SERIBU LANGKAH+, TETAPI DALAM MENGATASI PERSOALAN-PERSOALAN POLITIK, KRISIS DAN KONFLIK, DATUK SERI NAMPAKNYA MENGAMBIL SIKAP +BERUNDUR KE BELAKANG SELANGKAH UNTUK BERGERAK KE HADAPAN SERIBU LANGKAH+. APAKAH PENDEKATAN YANG KEDUA TIDAK MENGGANGGU PENDEKATAN YANG PERTAMA?

DR M: SEGALANYA BERGANTUNG KEPADA PERKATAAN PRAGMATIK. KITA PERLU BERSIKAP PRAGMATIK. KITA PERLU MENYEDARI YANG KITA BEKERJA DALAM KEADAAN SEKELILING YANG TERTENTU. JIKA KITA BEKERJA TANPA MENGHIRAUKAN LANGSUNG KEPADA KEADAAN SEKELILING, KITA TIDAK AKAN BERJAYA, INI SEMUA SANGAT MUDAH. KADANG-KADANG KELIHATAN SAYA MENGAMBIL SATU LANGKAH KE BELAKANG JIKA PERLU, MUNGKIN SAYA BERGERAK KE BELAKANG JIKA PERLU. KITA TAHU SESUATU ITU TIDAK BOLEH DILAKUKAN TETAPI KITA BERKERAS JUGA UNTUK MELAKUKANNYA. INI PEMIKIRAN SECARA LATERAL. KE ARAH MANA SEKALIPUN KITA BERGERAK TIDAK MENJADI SOAL, ASALKAN KITA MENCAPAI OBJEKTIF KITA. KATA ORANG, SAYA PAYAH HENDAK SENYUM, SEKARANG SAYA BANYAK TERSENYUM. KATA ORANG SAYA TIDAK PERGI MELIHAT SUKAN, SEKARANG SAYA SUDAH BUAT BEGITU, APA SAJA UNTUK MEMASTIKAN APA YANG KITA INGINI BERJALAN DENGAN BAIK.

S: DARI MANA DATUK SERI MENDAPAT INSPIRASI?

DR M : SEJARAH. BACALAH SEJARAH DAN DALAM SEJARAH TENTANG NEGARA-NEGARA KITA AKAN DAPATI SENTIASA ADA NAIK-TURUNNYA, YANG SELALUNYA MEMPUNYAI HUBUNG KAIT DENGAN MUTU KEPIMPINAN. JIKA NEGARA ITU MEMPUNYAI PEMIMPIN YANG BAIK, IA NAIK. TETAPI PEMIMPIN YANG BAIK ITU MUNGKIN MENJADI BURUK PULA, LALU KEADAAN NEGARA ITU PUN MENURUN. ANDA LIHAT SAHAJALAH MARCOS. PADA MULANYA BELIAU SEORANG PEMIMPIN YANG BAIK. BELIAU MERAMPAS SENJATA DAN LAIN-LAIN, BELIAU MENSTABILKAN KEADAAN DI FILIPINA. KEMUDIAN BELIAU MENJADI TAMAK. DAN SELEPAS ITU, ANDA PUN TAHU APA YANG BERLAKU. -- LAGI.  
1430MST 28 12 89

R B123 DEB EHC

PM WAWANCARA 17 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI, MEMANDANGKAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) KINI SUDAH TIDAK MERUPAKAN ANCAMAN LAGI, SESETENGAH KALANGAN MENYERU SUPAYA DILONGGARKAN PENGGUNAAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) ATAU SUPAYA ISA DIMANSUHKAN. APAKAH REAKSI DATUK SERI?

DR M: KITA TIDAK BOLEH TERBURU-BURU DALAM PERKARA INI. KITA MESTILAH SENTIASA INGAT BAHAWA ISA TELAH DIGUNAKAN UNTUK MEMASTIKAN KESTABILAN NEGARA ... BUKAN SAHAJA KESTABILAN YANG DISEBABKAN OLEH KOMUNIS TETAPI JUGA OLEH SUMBER-SUMBER LAIN YANG MENYEBABKAN ANCAMAN KEPADA KESTABILAN DAN KESELAMATAN. KALAU ANDA INGAT DALAM TAHUN 1969 BUKANLAH KOMUNIS TETAPI KETEGANGAN KAUM, YANG MENYEBABKAN KEADAAN YANG TIDAK SELAMAT DAN ISA TELAH DIGUNAKAN. JADI KITA MEMPUNYAI ALASAN YANG WAJAR UNTUK TERUS MENGUATKUASAKAN ISA. TETAPI SEMEMANGLAH, JIKA KEADAAN MENGIZINKAN, KITA BOLEH MEMANSUHKAN ISA ATAUPUN MEMINDANYA. TETAPI RAKYAT MESTILAH INGAT BAHAWA ISA TIDAK MENGHALANG PERJALANAN AMALAN DEMOKRASI YANG SAH DAN BERTANGGUNGJAWAB. DI NEGARA INI RAKYAT SEKARANG LEBIH BEBAS DARIPADA DAHULU. ANDA BILANG SAHAJALAH JUMLAH AKHBAR DAN MAJALAH SEKARANG DAN BANDINGKAN DENGAN DAHULU. ANDA KIRA JUMLAH ORANG YANG DITAHAN SEKARANG BERBANDING DENGAN DAHULU. ISA MASIH LAGI MERUPAKAN ISA. TETAPI PELAKSANAANNYA TIDAK SEKALI-KALI MENGURANGKAN KEBEBASAN RAKYAT. KEBEBASAN AKADEMIK... SAYA TIDAK TAHU TENTANG KEBEBASAN AKADEMIK TETAPI JIKA IA BERTUJUAN MELAHIRKAN ARTIKEL YANG ILMIAH, MEMBUAT PENYELIDIKAN DAN LAIN-LAIN, TIDAK ADA MASALAHNYA. KITA MEMPUNYAI APA YANG DINAMAKAN KUMPULAN PENDESAK, MEREKA BEBAS WALAUPUN UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN NAMA NEGARA MEREKA SENDIRI DENGAN BERCAKAP BOHONG TENTANG NEGARA INI. KITA MASIH LAGI TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA. MENGAPA MAHU MEMBURUKKAN NEGARA SENDIRI DAN MENGAPAKAH ORANG-ORANG INI TIDAK PERNAH MEMBURUKKAN NEGARA LAIN KERANA ALAM SEKITAR ATAU SEUMPAMANYA. SEDANGKAN MEREKA TAHU SANGAT BAHAWA NEGARA-NEGARA SEPERTI AMERIKA DAN EROPAH ADALAH PENYEBAB UTAMA KEPADA PENCEMARAN. BEGITUPUN, MEREKA MASIH HIDUP DI NEGARA INI, WALAUPUN DENGAN ADANYA ISA. ISA BERMaksud UNTUK MELINDUNGI RAKYAT BIASA YANG CUMA MAHU HIDUP BEBAS DARIPADA SEGALA BENTUK PENEKANAN, ITU SAHAJA. KALAU ANDA INGAT, DALAM TAHUN 1987 BERLAKU KETEGANGAN KAUM... BANYAK ORANG YANG SUDAH MELUPAI INI. MEREKA HANYA INGAT BAHAWA LIM KIT SIANG (PEMIMPIN PEMBANGKANG) TELAH DITAHAN, ITU SAHAJALAH BAHAGIAN YANG MEREKA INGAT. ADA ORANG YANG (KETIKA ITU) MENINGGALKAN NEGARA, ADA YANG TIDAK MAHU MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH, DAN ADA PULA YANG TIDAK PERGI KERJA. SEBAIK SAHAJA SEORANG LELAKI MELEPASKAN TEMBAKAN KE STESEN MINYAK, SELURUH BANDARAYA DITUTUP DAN TIDAK ADA ORANG YANG KELUAR KE JALAN LAGI. APABILA KITA MENANGKAP ORANG-ORANG BERKENAAN, DENGAN SERTA-MERTA SETIAP ORANG MERASA LEGA DAN BERGEMBIRA, TERMASUKLAH PEMBANGKANG, SEHINGGALAH APABILA MEREKA DITANGKAP...

S : DATUK SERI, JADI ADA KEMUNGKINANLAH KITA 'AKAN DAPAT MENGHILANGKAN KEBIMBANGAN TERHADAP ISA SEBAIK-BAIK SAHAJA KEADAAN MENGIZINKAN ?

DR M : YA. JIKA RAKYAT TAHU MENAHAN PERASAAN MEREKA, TIDAK ADA MASALAH. SESETENGAH NEGARA TIDAK PUN MEMERLUKAN KERAJAAN, SEBENARNYA MEREKA BOLEH BERFUNGSI TANPA KERAJAAN. TETAPI SESETENGAH NEGARA PULA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN AUTHORITARIAN YANG KUAT UNTUK MENGAWAL MEREKA. MEMANGLAH SENANG UNTUK KITA MENYATAKAN BAHAWA KITA PERLU MEMPUNYAI DEMOKRASI, TETAPI LIHATLAH KEADAAN DI SESETENGAH NEGARA DEMOKRASI... DI MANA RAKYAT DIBUNUH SETIAP HARI, PEMBUNUH YANG BERSEMBUNYI DI TENGAH-TENGAH BANDARAYA DAN LAIN-LAIN. -- LAGI.  
1437MST 28 12 89

D073

R B124 DEB EHC

PM WAWANCARA 18 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

S: DATUK SERI BEGITU RAPAT SEKALI DENGAN PROTON, APAKAH RANCANGAN MASA DEPAN PROTON?

DR M: KITA MAHU MENGEMBANGKAN PROTON, KITA MAHU MEMASARKAN KERETA NASIONAL ITU DI LEBIH BANYAK NEGARA. SAYA SENDIRI TIDAK MENYANGKA KEJAYAAN KERETA ITU DI BRITAIN. KITA FIKIR TERDAPAT POTENSI UNTUK MENGEKSPORT KERETA ITU KE NEGARA-NEGARA LAIN. BAGAIMANAPUN SEKALI LAGI IA AKAN MEMBABITKAN PELABURAN, IA AKAN MEMBABITKAN RISIKO. AKHIRNYA IA MUNGKIN BERJAYA. RAKYAT HARUS MEMAHAMI BAHAWA SELAGI KITA TIDAK MAHU MENGHADAPI RISIKO YANG ADA KITA TIDAK AKAN KE MANA-MANA. PROTON MERUPAKAN SATU RISIKO. IA DIRANCANGKAN KETIKA KEADAAN DI NEGARA INI BAIK. APABILA RANCANGAN ITU SIAP KEADAAN SUDAH BERUBAH MENJADI BURUK TETAPI KITA TELAH BERJAYA MENGHARUNGINYA UNTUK BEBERAPA TAHUN DAN SEKARANG KEADAAN BERUBAH BERTAMBAH BAIK. BAGAIMANAPUN KITA MENGAKUI BAHAWA PENGURUSAN KITA ADALAH LEMAH DAN KITA TERPAKSA MENGUATKAN PENGURUSAN. KINI TERDAPAT ORANG-ORANG TEMPATAN YANG DILETAKKAN DI BAWAH PENGURUS-PENGURUS DARI JEPUN UNTUK MEMPELAJARI SELOK-BELOK PENGURUSAN. TETAPI ANDA HARUS INGAT BAHAWA ORANG-ORANG JEPUN YANG MENGURUSNYA BERUSIA 67 TAHUN, DENGAN PELBAGAI PENGALAMAN YANG ADA. ORANG TEMPATAN YANG MEMPELAJARI DARIPADA PENGURUS JEPUN ITU BERUSIA 40 TAHUN. OLEH YANG DEMIKIAN KITA HARUSLAH BERSABAR. IA BUKAN MERUPAKAN SESUATU YANG KECIL UNTUK DIURUS. KADANG-KALA KITA FIKIR IA SESUATU YANG KECIL SAHAJA DAN SESIAPA SAHAJA BOLEH MENGURUSKAN SEBUAH KILANG SEPERTI ITU. JIKA ANDA LIHAT BETAPA BANYAK JUMLAHNYA KOMPONEN YANG TERDAPAT DALAM PEMBUATAN SEBUAH KERETA MAKA ANDA AKAN FAHAM BETAPA KOMPLEKSNYA PERKARA TERSEBUT.

SESEORANG PENGURUS HARUS MENGETAHUI KESEMUA YANG TERDAPAT DI KILANG BERKENAAN. KITA TIDAK TERGOPOH-GAPAH BERSABIT PERKARA ITU KERANA KETIKA KITA MENGUMUMKAN HASRAT UNTUK MENGELUARKAN KERETA NASIONAL KITA TELAH MENJALANKAN RUNDINGAN TERPERINCI SELAMA DUA SETENGAH TAHUN DENGAN ORANG JEPUN. ORANG MEMIKIRKAN BAHAWA TINDAKAN KITA HENDAK MENGELUARKAN KERETA NASIONAL ITU DIAMBIL DALAM SEKELIP MATA SAHAJA. TIDAK BEGITU. KITA TERPAKSA BERFIKIR DENGAN MENDALAM. PADA MULANYA KITA CUBA DENGAN DAIHATSU TETAPI RUNDINGAN KITA DENGANNYA TIDAK BERHASIL.

S: BILAKAH KITA AKAN MEMASUKI PASARAN AMERIKA SYARIKAT?

DR M: ANDA PASTI TAHU UNTUK BERBUAT DEMIKIAN KERETA NASIONAL ITU PERLU DIUBAHSUAI DARIPADA SEBUAH KERETA PANDU KANAN KEPADA PANDU KIRI DAN UNTUK ITU SAHAJA IA MERUPAKAN SATU USAHA YANG AMAT BESAR DAN OLEH YANG DEMIKIAN KITA KINI SEDANG MENGAJINYA. SAYA TIDAK FIKIR KITA AKAN MEMASUKI PASARAN AMERIKA KETIKA INI. MASIH TERDAPAT PASARAN EROPAH DAN BANYAK LAGI PASARAN YANG KITA MASIH BELUM MASUKI. KITA BERNASIB BAIK MEMPEROLEHI PENJUAL YANG ADA DI UK YANG TIDAK KEBERATAN BERBELANJA LEBIH BAGI PROMOSI DAN PROMOSI YANG DIJALANKANNYA AMAT BAIK SEKALI. DI SINI PROTON TELAH MENAWAN PASARAN KERETA TEMPATAN TETAPI DI SANA BELIAU TERPAKSA BERSAING DAN DIA TELAH BERJAYA MENGATASI PASARAN BAGI KERETA-KERETA LAIN. TIDAK TERDAPAT KERETA BARU YANG DIPERKENALKAN DI BRITAIN YANG DAPAT MENJUAL SEBANYAK KERETA PROTON SAGA DALAM TEMPOR TERSEBUT. JUMLAH KERETA PROTON SAGA YANG DIJUAL DI NEGARA ITU IALAH DUA KALI GANDA BERBANDING DENGAN KERETA LAIN SEPERTI OLEH HYUNDAI, MITSUBISHI, FIAT DAN LADA. BELIAU PADA MULANYA HENDAK MEMBELI 5,000 BUAH KERETA PADA TAHUN PERTAMA TETAPI AKHIRNYA MEMBELI 10,000 BUAH SEBELUM AKHIR TAHUN INI. BELIAU SERING KE MALAYSIA DAN AMAT RAPAT DENGAN PARA PEKERJA TEMPATAN DI KILANG PROTON. PADA SUATU MALAM BELIAU MEMBAWA KESEMUA PEKERJA BERKENAAN UNTUK MAKAN DI SEBUAH WARONG DI SINI. --

BERNAMA.  
1443MST 28 12 89